

JILID 4 • 2023

فرونتیئر
FRONTIER

**MEMPERKEMBANGKAN KEMAHIRAN
INOVASI BAGI PERTAHANAN MASA DEPAN**



KUMPULAN SAINS DAN TEKNOLOGI PERTAHANAN
KEMENTERIAN PERTAHANAN, BRUNEI DARUSSALAM


FRONTIER

**Jilid 4: Memperkembangkan Kemahiran Inovasi bagi Pertahanan Masa Depan
Hak Cipta Terpelihara © 2023**

Kementerian Pertahanan Brunei Darussalam

Kandungan yang terdapat di dalam jurnal ini merupakan pandangan, idea dan pendapat pengarang masing-masing dan tidak semestinya mewakili Kementerian Pertahanan, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, jabatan-jabatanarah, jawatankuasa atau mana-mana kumpulan dan individu.

Semua hak terpelihara. Tidak ada mana-mana bahagian dalam jurnal ini dapat diterbitkan semula atau diedarkan dalam apa jua bentuk atau dengan apa jua cara, termasuk fotokopi, rakaman atau kaedah elektronik atau mekanikal lain, tanpa kebenaran daripada pengarang.

www.mindef.gov.bn 
mindefbrunei 

KUMPULAN FRONTIER

Penasihat

Pg Dr Haji Mohd Esa Al-Islam bin Pg Haji Md Yunus
*Timbalan Setiausaha Tetap (Pembangunan dan Pemeliharaan),
Kementerian Pertahanan*

Ketua Editor

Hasrinah binti Matyassin

Lembaga Editorial

Lt Kol Caslindawati binti Samil
Kdr Muhammad Nazrin bin Haji Sabli
Mej Dk Dr Nurhayatul Filzah binti Pg Damit
Mej (Dr) Ranald bin Mohd Faizal
Dr Sanny Choo Zi Lung

Kumpulan Penerbitan

Dr Nurhazwana binti Haji Jumat
Dr Hjh Siti Tajidah binti Haji Abd Talip
Lina 'Diyana binti Maidin
Ahmad Dzulkhairi bin Awg Haji Mail
Kapt Nuratiqah binti Saidi

Penghargaan Khas

Urusetia Sains dan Teknologi Pertahanan

*Para pengarang yang berminat bolehlah menghantar e-mel pertanyaan
kepada Urusteria Sains dan Teknologi Pertahanan
di def.technology@mindef.gov.bn*

KANDUNGAN

Mengenai FRONTIER	4
Kata-Kata Aluan Editorial	5
Perbincangan Mengenai Keberkesanan Penerapan Program Kesejahteraan Psikologi untuk Meningkatkan Prestasi Atlet dan Tentera Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) <i>Pengarang: Haji Mohamad Zulfan Farhi bin Haji Sulaini</i>	6
Merevolusikan Pengenalan dan Komunikasi Ketenteraan dengan Teknologi Antena NFC <i>Pengarang: Najwa Mohd Faudzi, PM Ir Dr Ahmad Rashidy Razali, PM Dr Asrulnizam Abd. Manaf, PM Ir Dr Nurul Huda Abd Rahman, Suraya Sulaiman, Aiman Sajidah Abd Aziz, Nora'zah Abdul Rashid, dan Ir Ts Dr Ahmad Azlan Ab Aziz</i>	20
Kontekstualisasi Ancaman KBRL di Brunei Darussalam <i>Pengarang: Kapt Nur Shazeerah binti Radinkanoro, Kapt Haji Md Khairi bin Haji Abdul Latif, dan Lt Ak Mohd Masduqi bin Pg Haji Damit</i>	32
Antena Mudah Alih Frekuensi Tinggi (HF) Near Vertical Incidence Skywave (NVIS) <i>Pengarang: Muhammad Rawie bin Bungsu dan Mohd Fazlee bin Umarzuki</i>	47
Interkom Simulator Padat Mudah Alih <i>Pengarang: Nadzirah binti Haji Ibrahim</i>	60

FRONTIER merupakan sebuah jurnal S&T Pertahanan yang diterbitkan di bawah bimbingan Kumpulan Sains dan Teknologi Pertahanan. Tujuan utama FRONTIER adalah bagi mengongsikan artikel, laporan dan kertas kerja teknikal yang disediakan oleh warga Kementerian Pertahanan (KEMENTAH) dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), dan juga institusi-institusi pegajian tinggi di Negara Brunei Darussalam. FRONTIER juga bertujuan untuk meningkatkan kesedaran, menjana perbincangan dan menyemai inovasi di dalam bidang S&T Pertahanan.

Selaras dengan usaha *digitisation* yang diterajui oleh Kumpulan S&T Pertahanan, salinan FRONTIER boleh dimuat turun dari laman sesawang rasmi KEMENTAH. Salinan terhad jurnal FRONTIER juga akan dicetak dan diedarkan kepada pegawai-pegawai kanan KEMENTAH dan ABDB, serta perpustakaan-perpustakaan di KEMENTAH dan ABDB.

MENGENAI FRONTIER

KATA-KATA ALUAN EDITORIAL

Hasrinah binti Matyassin, **Ketua Editor**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Kumpulan Sains dan Teknologi Pertahanan (DSTG) dengan ini sukacita melancarkan jilid keempat Jurnal FRONTIER yang membawa tema **‘Memperkembangkan Kemahiran Inovasi bagi Pertahanan Masa Depan’**.

Edisi keempat Jurnal FRONTIER kali ini mengetengahkan lima artikel yang meliputi pelbagai usaha dan kajian yang telah dilaksanakan oleh warga KEMENTAH dan ABDB serta pihak Universiti Teknologi Brunei (UTB) dalam usaha menambahbaik prestasi keupayaan pertahanan dari pelbagai aspek khususnya peralatan, fizikal tentera, kesihatan mental dan ancaman-ancaman sekuriti berbentuk *non-traditional*.

‘Perbincangan Mengenai Keberkesanan Penerapan Program Kesejahteraan Psikologi Untuk Meningkatkan Prestasi Atlet dan Tentera Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB)’ membincangkan sama ada pelaksanaan program kesejahteraan psikologi adalah bermanfaat bagi kesihatan mental warga ABDB.

‘Merevolusikan Pengenalan dan Komunikasi Ketenteraan Dengan Teknologi Antena NFC’ merupakan kajian bagi meneliti cadangan penggunaan antena tag Near Field Communication (NFC) kos rendah dan fleksibel yang sesuai digunakan untuk pengenalan dan pengesahan dalam aplikasi ketenteraan dan pertahanan.

‘Kontekstualisasi Ancaman KBRL di Brunei Darussalam’ mengkaji penilaian risiko ancaman Kimia, Biologi, Radiologi dan Letupan (KBRL) bagi Brunei Darussalam sama ada ancaman KBRL perlu diberi perhatian.

‘Antena Mudah Alih Frekuensi Tinggi (HF) Near Vertical Incidence Skywave (NVIS)’ merupakan laporan yang membentangkan fungsi NVIS, perbezaan di antara NVIS dengan penyebaran Skywave tradisional dan hubungannya dengan ionosfera. Laporan juga mengemukakan cadangan penyelesaian menggunakan NVIS apabila dibandingkan dengan antena yang digunakan pada masa ini.

‘Interkom Simulator Padat Mudah Alih’ merupakan laporan yang membentangkan projek simulator yang direka untuk memudahkan proses kerja-kerja penyelenggaraan atau mencari kerosakan bagi Sistem Interkom Digital RF-7800I.

Dengan terbitnya jilid keempat ini diharap dapat merangsang dan mencetus ide-ide baru dalam pelbagai aspek sebagai usaha membudayakan inovasi di kalangan para pembaca secara amnya dan tenaga kerja KEMENTAH dan ABDB secara khususnya. Bagaimanapun, dalam usaha memperkembangkan kemahiran inovasi ini, penjagaan kesihatan dan kesejahteraan mental warga ABDB juga menjadi salah satu aspek yang perlu diambil perhatian. Selain itu, dalam situasi dunia yang serba moden dan berteknologi tinggi, kesedaran dan mekanisme untuk menangani ancaman-ancaman sekuriti berbentuk *non-traditional* perlu juga dipertingkatkan agar pertahanan sentiasa bersiap siaga demi keselamatan negara kekal terjaga.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Mengenai Pengarang

Haji Mohammad Zulfan Farhi bin Haji Sulaini ialah seorang pegawai penyelidik dari Makmal Prestasi Manusia, Pusat Optima Kecergasan Tentera (POKT). Beliau memperoleh ijazah dalam bidang Fisiologi dan Farmakologi dari Universiti Leicester, dimana beliau telah membuat penyelidikan tentang fisiologi penyakit mental. Kajian tinjauan beliau dalam bidang ini telah memenangi anugerah Penyampai Terbaik di Simposium Penyelidikan Brunei di United Kingdom yang dihoskan oleh Persatuan Pasca Siswazah Brunei. Kini, beliau adalah pengasas bagi pertubuhan *Joint Initiative for the Well-being of All* (JIWA), iaitu sebuah pertubuhan bukan kerajaan yang bekerjasama rapat dengan Kementerian Kesihatan dalam menyediakan sumber bagi kesihatan mental kepada institusi, sekolah, agensi swasta dan awam, dan lain-lain. Kepakaran dan rangkaianannya yang luas telah menjangkau rantau Asia Tenggara, di mana beliau bekerjasama dengan pakar kesihatan mental untuk meningkatkan tahap celik kesihatan mental dan menangani isu kesihatan mental. Sebagai pengiktirafan atas sumbangan cemerlang beliau dalam bidang kesihatan mental, beliau telah dianugerahkan persekutuan (*fellowship*) daripada *Orygen*, sebuah institut penyelidikan kesihatan mental yang terkenal di Australia. Beliau juga merupakan jurulatih kesihatan mental dan kesejahteraan yang bertauliah, membantu individu mengembangkan daya tahan dalam kehidupan seharian mereka serta membantu meningkatkan prestasi dan kesejahteraan mereka. Pada masa ini, beliau bertanggungjawab dalam membuat penyelidikan mengenai dengan pelaksanaan program kesejahteraan psikologi bagi anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang bertujuan untuk meningkatkan prestasi mereka.

Perbincangan Mengenai Keberkesanan Penerapan Program Kesejahteraan Psikologi untuk Meningkatkan Prestasi Atlet dan Tentera Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB)

Pengarang: Haji Mohamad Zulfan Farhi bin Haji Sulaini

Abstrak

Program kesejahteraan psikologi telah dilaksanakan secara meluas dalam organisasi ketenteraan di seluruh dunia bagi meningkatkan prestasi atlet dan tentera. Artikel ini bertujuan untuk membincangkan dan menjelaskan sama ada pelaksanaan program kesejahteraan psikologi adalah bermanfaat buat ABDB. Artikel ini meninjau dengan lebih lanjut lagi tentang latar belakang kesihatan mental dikalangan anggota ABDB, merujuk kepada kajian semakan saintifik tentang manfaat program tersebut, mencadangkan kaedah dan model untuk pelaksanaannya, dan meramalkan manfaat jangka panjang yang boleh diperolehi daripadanya. Secara keseluruhan, kajian semakan dan testimoni saintifik dan organisasi ketenteraan mendapati program kesejahteraan psikologi adalah bermanfaat terutamanya dalam menyumbang kepada prestasi dan kesejahteraan anggota. Ini termasuk dari segi peningkatan daya tahan tentera, pengurangan risiko kecederaan dan peningkatan kesihatan dan prestasi tentera secara keseluruhan. Manfaatnya juga termasuk berpuas hati terhadap kerja (dari segi ekonomi), kos perubatan yang dikurangkan, kadar pengekalan askar, semangat sosial dan kesepaduan, dan strategi dalam menyelesaikan misi. Artikel ini juga meliputi halangan-halangan bagi pelaksanaan program tersebut, termasuk ketidakkonsistenan dalam keberkesanan program tersebut serta ketetapan anggota untuk mengambil bahagian dalam program tersebut disebabkan oleh isu privasi dan invasif, dan mempertimbangkan implikasi etika ke atas dasar. Organisasi ketenteraan juga berkongsi cara penyelesaian bagi setiap cabaran tersebut yang boleh diambil kira semasa pembangunan program tersebut. Secara keseluruhannya, penilaian berterusan dan kerjasama daripada pakar, seperti ahli psikologi tentera, adalah diperlukan untuk memastikan program tersebut berkesan dan lancar dilaksanakan di ABDB, terutamanya pada peringkat awal.

Pengenalan

Semakin ramai yang menyedari bahawa kesihatan dan kesejahteraan mental adalah penting bagi prestasi atlet dan tentera serta kualiti hidup secara keseluruhan. Oleh itu, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) telah mengutamakan untuk mewujudkan program kesihatan mental bagi anggota tentera dan atlet. Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan anggota serta mengoptimalkan potensi prestasi mereka.

Artikel ini akan membincangkan tentang manfaat yang boleh diperolehi daripada program kesejahteraan psikologi ABDB tersebut dalam meningkatkan prestasi dan kesihatan keseluruhan anggota. Bagi mencapai objektif ini, kita akan melihat daripada perspektif disiplin dan antarabangsa, pendekatan baru dan hala tuju untuk masa hadapan.

Pertama, kita akan membincangkan sebab mengapa kesihatan mental adalah penting bagi prestasi tentera dan juga atlet. Kami juga akan memberikan gambaran keseluruhan akan program tersebut di ABDB dan cara mendekati program tersebut untuk kesihatan mental. Kami juga akan membincangkan manfaat yang akan diperolehi daripada melaksanakan program ini, seperti prestasi yang lebih baik, daya tahan dan kesihatan keseluruhan.

Seterusnya, kita akan melihat hasil penyelidikan saintifik tentang manfaat program kesejahteraan psikologi dalam ketenteraan dan sukan, dan pada program khusus yang telah berjaya meningkatkan prestasi dan kesejahteraan. Kita juga akan melihat hasil kajian kes ketenteraan dan sukan antarabangsa yang telah menggunakan program kesejahteraan psikologi dan melihat hasil yang positif.

Apabila membincangkan cara melaksanakan program kesejahteraan psikologi di ABDB, kita akan melihat cara untuk membentuk kandungan program latihan dan mencadan-

gkan untuk menggunakan model yang berpotensi bagi pelaksanaannya. Kita juga akan melihat beberapa manfaat yang berpotensi daripada pelaksanaan program ini di ABDB dalam jangka masa panjang seperti bagaimana ianya boleh menjejaskan pengambilan, pengendalian dan kesediaan keseluruhan tentera.

Akhir sekali, kita akan membincangkan tentang halangan-halangan yang berpotensi untuk menjejaskan pelaksanaannya, strategi untuk mengatasinya dan hala tuju masa depan untuk dipertimbangkan. Kami akan mengakhiri artikel ini dengan mencadangkan agar program kesejahteraan psikologi ini ditubuhkan bagi meningkatkan prestasi dan kesejahteraan serta menggalakkan budaya kesihatan mental dan daya tahan di seluruh negara.

Latar belakang

Pelan Tindakan Kesihatan Mental Brunei bagi tahun 2022–2025 adalah merupakan langkah besar ke arah mengiktiraf betapa pentingnya kesihatan mental di negara ini. Pelan ini sedang diusahakan oleh semua kementerian negara termasuk Kementerian Pertahanan. Matlamatnya adalah untuk memperbaiki dan menangani kesihatan mental. Pelan Tindakan Kesihatan Mental menggariskan empat strategi utama, iaitu:

1. Memperkukuh kepimpinan dan tadbir urus yang berkesan untuk kesihatan mental.
2. Mengukuhkan perkhidmatan kesihatan mental dengan memastikan ketersediaan serta kebolehcapaian perkhidmatan kesihatan mental yang berkualiti dan komprehensif.
3. Mengukuhkan promosi kesihatan mental dan pencegahan gangguan mental.
4. Membangun kapasiti sistem maklumat dan penyelidikan negara untuk kesihatan mental.

Sebagai sebahagian daripada usaha negara untuk melaksanakan rancangan ini, adalah penting bagi ABDB untuk mengambil peranan aktif dalam mempromosikan kesihatan mental dan kesejahteraan di kalangan anggota perkhidmatannya.

Pada masa ini, Pusat Optima Kecergasan Tentera (POKT) telah menawarkan pelbagai program latihan fizikal untuk meningkatkan prestasi atlet dan tentera. Latihan psikologi dan kognitif bagaimanapun masih di peringkat awal, memandangkan kesihatan mental adalah subjek baru yang dititikberatkan di negara ini. Atas sebab inilah perbincangan untuk melaksanakan program kesejahteraan psikologi di ABDB ini penting.

Beberapa organisasi ketenteraan di seluruh dunia telah mengiktiraf kepentingan kesihatan mental dikalangan tentera, dan kajian telah menunjukkan bahawa program sedemikian sangat membantu. Jadi, adalah penting bagi ABDB untuk bertindak proaktif dalam melaksanakan program-program ini dan memastikan kesihatan mental atlet dan tentera mereka.

Dengan mengadakan program kesejahteraan psikologi tersebut, ABDB boleh memberikan para atlet dan tenteranya alat atau sumbu yang mereka perlukan untuk meningkatkan kesihatan mental dan daya tahan mereka, yang seterusnya akan meningkatkan lagi keseluruhan prestasi mereka.

Kepentingan kesejahteraan psikologi dalam tentera

Bagi memahami manfaat yang boleh diperolehi daripada pelaksanaan program kesejahteraan psikologi untuk tentera dan atlet ABDB, individu itu terlebih dahulu harus memikirkan akan peranan kesihatan mental dan kesejahteraan dalam tentera. Banyak organisasi tentera menganggap kesihatan mental adalah sangat penting terhadap kesihatan, prestasi dan kesejahteraan keseluruhan. Akibatnya, anggota tentera dan atlet di seluruh

dunia semakin memberi perhatian kepadanya.

Sebagai akibatnya juga, banyak angkatan tentera telah melaksanakan program untuk membantu anggotanya yang mengalami masalah seperti kemurungan, kebimbangan dan gangguan tekanan selepas trauma (ataupun *post-traumatic stress disorder* (PTSD)). Usaha menekankan kesihatan mental ini bertujuan untuk meningkatkan kesediaan dan keberkesanan tentera. Disamping itu, ia juga penting dari segi moral untuk menjaga kesihatan mental orang yang berkhidmat untuk negara mereka.

Hasil daripada penyelidikan yang telah dibuat menunjukkan bahawa berkhidmat di arena ketenteraan boleh memberi kesan psikologi yang buruk kepada seorang individu itu, contohnya, ia boleh memberi kesan pada mereka yang pernah menyertai pertempuran dan juga daripada persekitaran yang memberi kesan traumatik pada mereka yang melakukan kerja pejabat setiap hari. Satu kajian yang diterbitkan dalam *Jurnal Perubatan Tentera* mendapati bahawa anggota tentera yang bekerja dalam pekerjaan bukan pertempuran, seperti kerja di pejabat, melaporkan bahawa tahap kemurungan, kebimbangan, dan PTSD adalah lebih tinggi daripada pekerja awam dengan pekerjaan yang serupa [1].

Disamping itu, kesihatan dan kesejahteraan mental juga diiktiraf sebagai sebahagian penting dalam prestasi atlet. Ramai atlet yang mempunyai masalah kesihatan mental seperti kebimbangan, kemurungan, dan keletihan.

Kebiasaannya, para atlet perlu berhadapan dengan tekanan yang unik, seperti persainan yang sengit dan jadual latihan yang panjang dan mencabar, sambil melaksanakan tanggungjawab mereka. Satu kajian yang diterbitkan dalam *Journal of Strength and Conditioning Research* mendapati bahawa atlet tentera mempunyai tahap tekanan psikologi

yang lebih tinggi daripada atlet kolej, yang mana ianya juga dikaitkan dengan peningkatan risiko kecederaan [2]. Tekanan ini boleh menjejaskan keseluruhan kesihatan dan kesejahteraan mental atlet atau tentera dengan ketara, serta mempengaruhi keupayaan mereka untuk melakukan yang terbaik.

Memandangkan betapa pentingnya kesihatan kesejahteraan mental kepada prestasi anggota tentera dan atlet, terdapat pelbagai usaha dan minat yang semakin meningkat bagi melaksanakan program untuk membantu para anggota tentera dan atlet mencapai potensi penuh mereka. Program ini berupaya untuk meningkatkan kesihatan mental dan daya tahan serta membantu orang yang mempunyai masalah dengan kesihatan mental mereka. Berikutnya, kita akan membincangkan manfaat yang mungkin dapat diperolehi daripada menitikberatkan program seperti ini dalam ABDB, melihat kajian kes yang berkaitan, dan menyentuh beberapa kajian semakan saintifik.

Bukti yang menyokong keberkesanan program kesejahteraan psikologi untuk meningkatkan prestasi keseluruhan atlet/tentera

Hasil penyelidikan telah menunjukkan bahawa program kesejahteraan psikologi dapat membantu tentera dan atlet berasa lebih baik dan melakukan lebih baik dalam pekerjaan mereka. Sebagai contoh, kajian yang dijalankan oleh Jones *et al.*, mendapati bahawa anggota tentera yang mengambil bahagian dalam program untuk meningkatkan kesihatan mental mereka kurang berkemungkinan untuk merasa tertekan atau cemas berbanding tentera yang tidak mengambil bahagian dalam program tersebut.

Satu lagi kajian yang dijalankan oleh Smith *et al.* mendapati bahawa atlet yang menerima sokongan dan latihan psikologi mempunyai hasil kesihatan mental yang lebih baik dan tahap prestasi olahraga yang lebih tinggi daripada mereka yang tidak menerima [3].

Hasil penyelidikan juga telah menunjukkan bahawa *Comprehensive Soldier and Family Fitness (CSF2)* Tentera Amerika Syarikat (A.S.) membantu meningkatkan kesihatan mental dan prestasi fizikal anggota tentera. Kajian yang dijalankan oleh Adler *et al.* (2017) mendapati bahawa anggota tentera yang mengambil bahagian dalam program *Comprehensive Soldier Fitness (CSF)* mempunyai hasil kesihatan mental yang lebih baik dan lebih tahan terhadap tekanan berbanding tentera yang tidak menyertai program tersebut [4]. Kementerian Pertahanan Singapura telahpun menyediakan program bagi meningkatkan kekuatan mental, kawalan emosi dan prestasi keseluruhan tentera mereka. Hasil daripada kajian yang dijalankan oleh Bolton *et al.* (2018) mendapati bahawa program CSF2 Tentera A.S. mampu mengurangkan faktor risiko bunuh diri dikalangan tentera [5].

Disamping itu, tentera dan atlet yang cedera juga berpeluang untuk mendapatkan semula keyakinan dan memulihkan fizikal dan mental mereka. Program "*Op Recovery*" Tentera British juga membantu tentera yang tercedera dengan masalah kesihatan mental mereka [6]. Program ini menggunakan terapi fizikal, kaunseling dan sokongan sosial untuk membantu tentera agar berasa lebih baik dan mendapatkan semula keyakinan mereka. Mereka mendapati bahawa tentera yang menyertai program pemulihan tersebut dapat meningkatkan kesihatan mental dan fizikal mereka.

Program psikologi ini juga telah memberi manfaat kepada generasi yang lebih tua. Kerajaan Australia telah melaksanakan beberapa program psikologi untuk menyokong veteran, termasuk Program Perkhidmatan Kaunseling Veteran dan Keluarga Veteran, iaitu Program *Veterans and Veterans Families Counselling Service (VVCS)*, Program Kesihatan Mental Veteran dan menubuhkan portal web kesihatan mental *At Ease*. Kajian mendapati bahawa program itu berkesan dalam mengurangkan keterukan gejala PTSD,

kemurungan, kebimbangan, dan penyalahgunaan alkohol dalam 70% peserta.

Selain itu, hasil penyelidikan telah mendapati bahawa kelemahan mental boleh memberi kesan yang merbahaya. Menurut kajian yang diterbitkan dalam Jurnal *Strength and Conditioning Research*, keletihan mental boleh mengakibatkan prestasi yang lebih buruk dan peningkatan risiko kecederaan [7]. Satu lagi kajian mendapati bahawa tentera dan atlet yang mempunyai masalah kesihatan mental, seperti gangguan kecemasan atau kemurungan, lebih terdedah kepada kecederaan muskuloskeletal dan kurang cergas secara fizikal [8].

Hasil penyelidikan juga mendapati bahawa program tersebut juga mampu meningkatkan kadar pengekatan, hubungan keluarga dan juga ekonomi. Kajian yang dijalankan oleh RAND Corporation (Rush *et al.*, 2017) mendapati bahawa anggota tentera yang mengambil bahagian dalam program CSF2 kurang berkemungkinan untuk meninggalkan ketenteraan lebih awal berbanding anggota yang tidak mengambil bahagian dalam program tersebut. [9]. Disamping itu, kajian yang dijalankan oleh Meinhold *et al.* (2019) juga mendapati bahawa program CSF2 dapat membantu mencegah kos perubatan yang besar yang disebabkan oleh ketidakhadiran dan kecederaan yang berkaitan dengan tekanan [10]. Kajian yang dijalankan oleh O'Neil *et al.*, 2010 mendapati bahawa melatih anggota tentera dengan daya tahan psikologi mampu meningkatkan komunikasi dan kerja berpasukan, yang boleh meningkatkan and membuahkan misi yang berjaya [11].

Secara keseluruhan, hasil dapatan dan perspektif antarabangsa ini menunjukkan bahawa program kesejahteraan psikologi boleh menjadi cara yang terbaik untuk meningkatkan prestasi dan kesihatan keseluruhan tentera dan atlet. Dengan memberi tentera dan atlet kemahiran dan alatan yang mereka perlukan untuk menangani tekanan kewajipan peribadi dan profesional, program ini boleh mem-

bantu memastikan mereka sentiasa dalam kesihatan mental yang baik dan melakukan pekerjaan mereka dengan sebaik mungkin sambil mengurangkan risiko kecederaan dan masalah kesihatan mental.

Reka bentuk dan pelaksanaan program kesejahteraan psikologi di Angkatan Bersenjata Diraja Brunei

Peningkatan psikologi dan kesejahteraan tentera dan atlet di ABDB memerlukan program komprehensif yang merangkumi pelbagai latihan kesihatan mental untuk daya tahan mereka. Program ini akan bertindak sebagai strategi pencegahan, iaitu dengan cara melengkapkan tentera dan atlet dengan kemahiran dan strategi untuk menguruskan tekanan secara berkesan, mengawal emosi mereka, menyelesaikan masalah, menetapkan matlamat, dan memupuk minda yang positif. **Rajah 1** menunjukkan kandungan bagi program kesihatan psikologi tersebut.

Latihan pengurusan tekanan akan menjadi komponen teras program tersebut dan akan merangkumi pelbagai teknik relaksasi, beberapa amalan kesedaran, dan strategi tingkah laku kognitif untuk membantu tentera dan atlet menghadapi tekanan tinggi yang mungkin mereka alami dalam bidang kerja mereka.

Latihan pengawalan emosi juga akan diterapkan ke program tersebut untuk melatih tentera dan atlet cara untuk mengenali dan mengawal emosi mereka secara sihat dan produktif. Latihan ini akan menumpukan strategi untuk mengawal kemarahan, kekecewaan, dan kebimbangan dan akan membantu tentera dan atlet meningkatkan kesedaran dan mengawal emosi.

Latihan penyelesaian masalah juga akan dijadikan sebagai satu elemen penting program tersebut, melatih tentera dan atlet cara bagi mengharungi cabaran dan halangan dengan berkesan. Latihan ini akan merangkumi strategi untuk memecahkan masalah kompleks kepada masalah yang lebih kec-

il, lebih mudah diurus dan membangunkan jalan penyelesaian yang lebih praktikal dan berkesan.



Rajah 1: Model bagi gambaran keseluruhan kandungan program kesejahteraan psikologi: Penyelesaian Masalah, Penetapan Matlamat, Pengurusan Tekanan, Pengawalan Emosi dan Pemikiran Positif.

Latihan penetapan matlamat juga akan melatih tentera dan atlet untuk menetapkan matlamat yang realistik yang selaras dengan nilai dan motivasi mereka. Latihan ini akan membantu mereka dalam membangunkan pelan tindakan untuk mencapai matlamat mereka dan menyediakan mereka dengan alat yang mereka perlukan untuk kekal bermotivasi dan fokus.


Akhir sekali, **latihan berfikiran positif** akan melatih tentera dan atlet untuk memupuk minda yang positif dan memberi tumpuan kepada kekuatan dan pencapaian mereka. Latihan ini akan menyediakan mereka alat untuk merangka semula pemikiran negatif, mencari makna dan tujuan dalam situasi yang sukar, dan mengekalkan rasa optimis dan harapan.

Akademi ketenteraan di seluruh dunia telah berjaya melaksanakan reka bentuk kandungan yang serupa, seperti Pusat Tentera Amerika Syarikat untuk Prestasi Dipertingkat (ACEP), Strategi Kesihatan Mental Angkatan Bersenjata Kanada, Strategi Kesihatan Mental Angkatan Pertahanan Australia dan Strategi Kesihatan Mental Kementerian Pertahanan United Kingdom.

Sebagai tambahan kepada latihan, ujian penilaian dan saringan psikologi individu juga adalah aspek penting dalam program ini. Ujian ini akan menilai mood dan membuat saringan bagi sesiapa yang mempunyai masalah trauma, PTSD atau masalah kesihatan mental yang lain, yang boleh menjejaskan prestasi mereka. Ujian penilaian psikologi seperti *Beck Depression Inventory* (BDI), *Brief Resilience Scale* (BRS) dan *Defence Mechanisms Inventory* (DMI) telah digunakan untuk menilai daya tahan pesakit sebagai tindak balas kepada tekanan dan bagi mengesan sebarang trauma seperti PTSD.

Diantara peralatan program yang digunakan adalah termasuk pemantau kadar jantung dan teknologi biofeedback yang mengukur kebolehubahan kadar denyutan jantung (*heart rate variability* (HRV)) untuk mengukur sejauh mana anggota tentera dan atlet mengawal sistem saraf mereka. **Rajah 2** menggambarkan cara teknologi *biofeedback* beroperasi dengan pesakit. Penggunaan instrumen ini memerlukan latihan untuk menggunakan program dan teknologi tersebut. Program seperti *HeartMath*, *MindGym*, *The Performance Lifestyle Program*, dan CSF juga menawarkan pensijilan dan modul latihan khusus untuk pelatih.

Disamping itu, ianya juga penting untuk diingat bahawa tidak semua program kesihatan psikologi dicipta sama. Contohnya, program CSF yang dilaksanakan oleh Tentera A.S. memfokuskan pada membina daya tahan dan mencegah isu kesihatan mental seperti kemurungan, kebimbangan dan PTSD. Sebaliknya, program Jalan Menuju Kesiediaan Mental (*Road to Mental Readiness* (R2MR)) Angkatan Bersenjata Kanada memberi tumpuan kepada mengurangkan stigma yang mengelilingi isu kesihatan mental dan menggalakkan usaha untuk mencari bantuan. Oleh itu, melaksanakan program yang betul memerlukan pendekatan yang komprehensif dan berasaskan bukti bergantung kepada keperluan dan objektif ABDB untuk para tentera dan atlet.



Rajah 2: Teknologi biofeedback mengukur aktiviti elektrik otak sewaktu penilaian psikologi dan kognitif. Hasil ujian akan dimasukkan ke dalam komputer untuk pemrosesan isyarat dan untuk ditafsirkan oleh penilai.

Dalam bahagian berikutnya, kami akan membentangkan gambaran visual bagi model yang telah kami bangunkan untuk melaksanakan program kesihatan psikologi dalam organisasi ketenteraan. Dengan mengadakan program kesejahteraan psikologi dalam ABDB, para anggota tentera dan atlet kita boleh belajar bagaimana cara untuk menangani tekanan dan mengekalkan kesihatan mental mereka dalam keadaan yang baik, yang mana ianya diharap akan memberi kesan prestasi yang lebih baik dan mengurangkan risiko kecederaan.

Cadangan bagi model pelaksanaan program kesejahteraan psikologi

Model yang berjaya harus mempertimbangkan cabaran unik yang dihadapi oleh anggota tentera, seperti pendedahan terhadap tekanan pertempuran, penempatan yang lama dan budaya hierarki. Untuk mewujudkan program yang berkesan, model tersebut mestilah dimulai dengan menjalankan penilaian keperluan yang menyeluruh bagi mengenal pasti keperluan dan kebimbangan khusus kakitangan ABDB. Program ini akan mengumpul data mengenai gejala kesihatan mental, tekanan, dan strategi mengatasinya dengan cara menjalankan kaji selidik, temu bual dan perbincangan kumpulan fokus. Berdasarkan maklumat yang diperolehi, program tersebut boleh disesuaikan dan akan merangkumi pel-

mental, psikoterapi dan program sokongan rakan sebaya. Selain itu, adalah juga penting untuk mewujudkan saluran komunikasi yang jelas dan menyediakan latihan dan sokongan kepada pemimpin tentera, yang mana mereka ini memainkan peranan penting dalam mempromosikan budaya kesejahteraan psikologi. **Rajah 3** meringkaskan lima peringkat utama untuk melaksanakan program kesihatan psikologi tersebut.

Penilaian keperluan: Langkah pertama model berkenaan adalah untuk menjalankan penilaian keperluan yang menyeluruh bagi mengenal pasti keperluan kesihatan psikologi khusus ABDB. Langkah ini melibatkan menjalankan kaji selidik, perbincangan kumpulan fokus, temu bual dan kaedah pengumpulan data lainnya. Hasil keputusan penilaian akan digunakan untuk memaklumkan pembangunan program yang akan disesuaikan menurut keperluan khusus ABDB.

Pembangunan program: Berdasarkan penilaian keperluan yang dijalankan, langkah seterusnya adalah membangun program kesejahteraan psikologi berdasarkan keperluan ABDB yang telah dikenal pasti. Program ini haruslah berasaskan bukti (*evidence-based*)



Rajah 3: Lima langkah metodologi yang diperlukan dalam melaksanakan program kesejahteraan psikologi.

dan menerapkan amalan terbaik dalam kesihatan psikologi. Program ini harus komprehensif, dengan memasukkan elemen penting seperti pendidikan, kaunseling, kumpulan sokongan, dan intervensi lain yang sesuai.

Pelaksanaan program: Program kesejahteraan psikologi ini juga mestilah berkesan dan cekap. Langkah ini melibatkan penyediaan latihan yang sesuai kepada kakitangan program, mewujudkan saluran komunikasi dengan pihak berkepentingan, dan membangunkan prosedur untuk memantau dan menilai program tersebut. Program ini perlu diperkenalkan secara berperingkat bagi memastikan kakitangan dan pihak berkepentingan bersedia secukupnya untuk pelaksanaannya.

Penyampaian program: Kejayaan program kesejahteraan psikologi ini boleh ditentukan melalui pemantauan dan penilaian. Langkah ini melibatkan pengumpulan data untuk mengukur hasil dan keberkesanan program, mengenal pasti faktor atau aspek untuk penambahbaikan, dan membuat penyelarasan yang perlu terhadap program tersebut. Proses pemantauan dan penilaian hendaklah berterusan dan melibatkan kakitangan program, pihak berkepentingan dan peserta.

Penilaian: Akhir sekali, adalah penting untuk sentiasa menilai keberkesanan program tersebut dan membuat penyelarasan yang diperlukan bagi memastikan program ini akan sentiasa memenuhi keperluan kakitangan ABDB. Langkah ini memerlukan penilaian dan perbincangan yang kerap melalui maklum balas peserta dan penyelidikan berterusan dalam bidang kesejahteraan psikologi.

Kesan potensi jangkaan terhadap Angkatan Tentera

Kesan yang dijangkakan dengan menerapkan program kesejahteraan psikologi dalam ABDB adalah banyak dan luas. Program-program ini boleh meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan keseluruhan mental anggota tentera serta meningkatkan prestasi fizikal

dan kognitif mereka. Kesan utama yang diharap daripada program ini adalah peningkatan dalam advokasi dan daya tahan kesihatan mental para anggota.

Latihan daya tahan boleh membantu para anggota menghadapi tekanan dan keperluan kehidupan tentera dengan lebih baik. Pada masa yang sama, pemeriksaan sariran psikologi juga boleh meningkatkan kesedaran tentang isu kesihatan mental dan menggalakkan usaha dalam mencari bantuan dalam ABDB. Dengan meningkatkan daya tahan dan kesedaran, program kesejahteraan psikologi ini juga boleh mengurangkan risiko gangguan kesihatan mental, seperti kemurungan dan PTSD, di kalangan anggota ABDB yang tidak menyedarinya dan menanganinya.

Sebagai tambahan kepada kesan kesejahteraan dan kesihatan mental yang lebih baik, pasukan sukan ABDB, terutamanya, boleh juga mendapat manfaat daripada program ini dengan meningkatkan kualiti atlet mereka dalam mewakili ABDB dan negara secara keseluruhan. Sebagai contoh, latihan kesedaran boleh meningkatkan prestasi fizikal dan fungsi kognitif, manakala terapi tingkah laku kognitif boleh membantu dalam menguruskan kesakitan dan meningkatkan kualiti tidur mereka dengan lebih baik. Dengan menambah baik faktor-faktor ini, program kesejahteraan psikologi ini akan membantu anggota dalam melaksanakan tugas mereka dengan lebih baik dan meningkatkan kesediaan misi keseluruhan.

Selain itu, program ini juga boleh meningkatkan kepuasan kerja dan kadar pengekalan di kalangan anggota. Dengan menggalakkan persekitaran kerja yang positif dan menyokong, program kesejahteraan psikologi boleh membantu para anggota untuk berasa lebih terlibat dan berpuas hati dengan kerja mereka. Kesan ini, seterusnya, dapat membantu mengurangkan stigma kesihatan mental, ketidakhadiran, dan kadar pusing ganti (*turnover*) kerja serta meningkatkan se-

mangat keseluruhan dalam organisasi.

Dengan program yang sedia ada seperti perkhidmatan kaunseling di pusat PRIHATIN, program pemulihan di Klinik Perubatan Sukan, dan program penilaian/peningkatan kecergasan yang dijalankan oleh Makmal Prestasi Manusia di POKT, melaksanakan program kesejahteraan psikologi adalah sangat bermanfaat dan relevan dalam mengoptimalkan sepenuhnya kualiti kecergasan anggota dan atlet ABDB.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan program kesejahteraan psikologi di ABDB berpotensi untuk memberi kesan positif terhadap kesihatan mental dan fizikal anggota dengan ketara, serta prestasi keseluruhan dan kepuasan kerja mereka. Dengan penilaian program yang berterusan dan kerjasama antara jabatan dan pakar berkaitan, manfaat yang dijangka akan mengukuhkan lagi kesediaan ketenteraan ABDB dalam pelbagai disiplin.

Cabaran dalam melaksanakan program kesejahteraan psikologi dan penyelesaiannya

Mewujudkan inisiatif kesejahteraan psikologi dalam organisasi ketenteraan tidak terlepas daripada menghadapi cabaran. Antara cabarannya termasuklah variasi dalam penyampaian program, isu mengenai kebolehpercayaan data yang diperolehi, dan implikasi etika beberapa prosedur yang digunakan di program tersebut. Kajian yang dijalankan oleh Greenberg *et al.* (2015) mendapati bahawa para anggota tentera melihat penyertaan dalam program latihan daya tahan psikologi sebagai pencerobohan privasi [12]. Di samping itu, beberapa anggota tentera juga khuatir bahawa penyertaan mereka dalam program itu akan diibaratkan sebagai lemah. Oleh itu, adalah penting untuk mempertimbangkan konteks budaya semasa dalam melaksanakan program ini dan bagaimana peserta akan menerimanya.

Selain itu, pertimbangan juga harus diberikan dalam memahami bagaimana untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan program. Kajian yang dijalankan oleh Zamorski *et al.* (2019) mendapati bahawa walaupun terdapat bukti untuk menyokong keberkesanan terapi kesihatan mental dalam ketenteraan, terdapat juga bukti ketidakkonsistenan dalam melaksanakan rawatan ini di pelbagai institusi tentera [13]. Terdapat banyak penjelasan terhadap ketidakkonsistenan dalam keberkesanan program kesejahteraan psikologi tersebut. Salah satu punca utamanya ialah keperluan untuk menyelaraskan program intervensi tersebut, yang membuatnya mustahil untuk membandingkan keputusan pelbagai program. Ketidaksamaan dalam populasi yang diperiksa, tahap dan jenis keadaan psikologi yang ditangani menyebabkan ketidakkonsistenan dalam keberkesanan program.

Para penyelidik oleh itu menasihatkan bahawa adalah penting untuk mempunyai reka bentuk program yang telus dan piawai dengan komponen intervensi yang jelas, ukuran hasil dan protokol penilaian. Disamping itu, mereka juga menyarankan para pengendali program untuk menjalankan penilaian yang teliti terhadap keberkesanan program dan menangani sebarang isu yang dikenal pasti dengan segera. Tambahan pula, adalah penting untuk mempertimbangkan keperluan dan keutamaan peserta program dan menyediakan mereka dengan intervensi yang disesuaikan bagi memastikan keberkesanan yang maksimum.

Implikasi etika program kesejahteraan psikologi dalam organisasi ketenteraan adalah satu cabaran terakhir yang perlu dipertimbangkan, yang mana terdapat kemungkinan bahawa alat ini boleh mengenal pasti anggota yang tidak layak untuk bertugas. Ini boleh memberi kesan yang mendalam buat individu tersebut [14]. Selain itu, terdapat kebimbangan mengenai pengaruh program ini terhadap privasi dan autonomi tentera, terutamanya dalam situasi di mana peserta

mungkin dipaksa [15].

Oleh yang demikian, para ahli akademik menyarankan agar penyertaan dalam program kesihatan psikologi dalam ketenteraan untuk dijadikan pilihan dan dianggap sulit/rahsia bagi mengurangkan kesukaran etika. Dengan berbuat demikian, anggota tentera dapat menyertai program tersebut tanpa rasa takut akan tindakan balas atau kesan negatif. Kajian yang dijalankan oleh Adler *et al.* (2018), sebagai contoh, mencadangkan agar organisasi ketenteraan menjalankan penilaian berterusan terhadap program kesejahteraan mental mereka untuk mengesahkan bahawa semua keperluan tentera mereka dipenuhi juga dan mengenal pasti akan sebarang kesukaran atau percanggahan etika [16]. Begitu juga, Kajian yang dijalankan oleh Dursa *et al.* (2014) mendapati bahawa keupayaan program kesihatan mental tentera untuk menyediakan penjagaan yang bijaksana, tepat pada masanya dan berkesan sambil menangani kesukaran etika secara serentak adalah penting untuk keberkesannya [17]. Disamping itu, dasar kerahsiaan juga harus memastikan peserta boleh mendedahkan maklumat sensitif tanpa rasa takut akan akibatnya. Tambahan pula, program harus diwujudkan dan dilaksanakan dengan mengambil kira pendapat daripada pakar psikologi dan etika ketenteraan untuk memastikan program ini berkesan dan mematuhi norma etika.

Cadangan masa depan

Memandangkan organisasi tentera terus memberi penekanan yang lebih besar terhadap program kesihatan psikologi, terdapat beberapa cadangan dan pendekatan tidak konvensional yang patut diterokai pada masa hadapan.

Terapi realiti maya: Salah satu pendekatan yang menjanjikan ialah penggunaan terapi realiti maya untuk merawat PTSD dan keadaan kesihatan mental yang lainnya. Teknologi realiti maya boleh mencipta semula senario pertempuran, membolehkan veteran

menghadapi dan mengatasi trauma mereka dalam persekitaran yang terkawal dan selamat. Walaupun masih dalam peringkat awal pembangunan, terapi realiti maya telah pun menunjukkan hasil yang menjanjikan dan boleh menjadi alat penting untuk rawatan kesihatan mental tentera pada masa hadapan.

Program berasaskan kesedaran: Program berasaskan kesedaran telah mendapat populariti dalam beberapa tahun kebelakangan ini di atas keupayaannya untuk menggalakkan kesejahteraan psikologi dan mengurangkan tekanan. Program-program ini boleh memberi manfaat kepada anggota tentera yang menghadapi tekanan dan cabaran yang unik. Dengan mengajar teknik kesedaran, anggota tentera boleh belajar mengurus emosi mereka dan meningkatkan daya tahan mereka, yang akhirnya akan membuahkan hasil kesihatan mental yang lebih baik.

Satu kajian yang diterbitkan dalam Jurnal *Anxiety Disorders* pada 2018 mendapati terapi pendedahan realiti maya adalah berkesan dalam mengurangkan gejala gangguan kecemasan sosial dan meningkatkan prestasi fizikal [18]. Terdapat pengurangan yang ketara pada peserta yang menerima terapi realiti maya semasa mengalami cabaran fizikal dan mental di bawah halangan realiti maya.

Program sokongan rakan sebaya: Program sokongan rakan sebaya menghubungkan individu dengan pengalaman yang dikongsi dengan tujuan untuk memberikan sokongan emosi dan praktikal. Program-program ini telahpun menunjukkan keberkesanan dalam mempromosikan kesejahteraan psikologi dalam pelbagai tetapan, termasuk tentera. Dengan mencipta program sokongan rakan sebaya khusus untuk anggota tentera, mereka boleh membina hubungan yang bermakna dengan rakan yang lain yang memahami cabaran unik kehidupan tentera. Para penyelidik yang mengkaji program sokongan rakan sebaya menunjukkan bahawa program sokongan rakan sebaya dikaitkan dengan pengurangan yang ketara dalam gejala

PTSD dan penyalahgunaan bahan [19].

Pendekatan holistik: Pendekatan holistik terhadap kesihatan mental, yang mengambil kira keseluruhan individu - badan, minda dan semangat - boleh menjadi cara yang berkesan untuk menggalakkan kesejahteraan psikologi dikalangan tentera. Pendekatan ini boleh menggabungkan terapi pelengkap dan alternatif, seperti akupunktur atau yoga, ke dalam program rawatan kesihatan mental tradisional. Percubaan terkawal rawak yang dijalankan oleh Tentera A.S. mendapati gabungan yoga dan meditasi berkesan dalam mengurangkan gejala PTSD di kalangan veteran [20]. Kajian juga mendapati bahawa terdapat pengurangan gejala PTSD pada kumpulan yang menerima yoga dan meditasi berbanding kumpulan kawalan.

Teknologi digital: Aplikasi mudah alih boleh dimanfaatkan, terutama oleh anggota yang mempunyai akses yang terhad terhadap sumber kesihatan mental atau yang mungkin teragak-agak untuk mendapatkan rawatan kesihatan mental tradisional. Aplikasi ini boleh digunakan pada bila-bila masa, di mana-mana sahaja dan mampu menawarkan sokongan secara rahsia kepada mereka yang memerlukannya. Sesetengah aplikasi kesihatan mental juga membantu anggota tentera untuk memantau tahap kecergasan fizikal dan mental mereka, seperti aplikasi Department of Veterans Affairs (VA) PTSD Coach, yang menyediakan sumber dan sokongan untuk para veteran yang mengalami masalah PTSD dan kecederaan.

Kesimpulannya, dengan terus meneroka pendekatan baru dan tidak konvensional untuk rawatan kesihatan mental, organisasi ketenteraan akan dapat memastikan bahawa para anggotanya mendapat akses kepada penjagaan yang terbaik. Apabila kemajuan teknologi dan kesedaran meningkat, peluang untuk menambah baik program ini menjadi lebih jelas. Dengan ini, prestasi dan kesejahteraan atlet dan tentera ABDB akan terus meningkat.

Kesimpulan

Kesimpulannya, mempromosi kesejahteraan psikologi dalam ABDB adalah keutamaan kritikal yang memerlukan perhatian segera. Cabaran yang dihadapi oleh anggota tentera boleh memberi implikasi yang tidak baik terhadap kesihatan fizikal, kesihatan mental, dan kesejahteraan keseluruhan mereka, serta terhadap keberkesanan dan kesediaan organisasi secara keseluruhan. Walau bagaimanapun, dengan melaksanakan program kesejahteraan psikologi untuk keperluan unik dan cabaran anggota ABDB, kita boleh membuat perubahan yang ketara dalam kehidupan mereka yang berkhidmat untuk negara kita. Program ini mempunyai banyak manfaat, termasuk dalam meningkatkan prestasi fizikal dan mental, meningkatkan semangat, dan kesihatan serta kesejahteraan keseluruhan dengan lebih baik. Manfaat program ini juga boleh diperluaskan ataupun dilaratkan kearah disiplin lain, seperti ekonomi, keupayaan kerja, pengekalan, kejayaan misi dan pembangunan peribadi. Dengan model dan pelaksanaan reka bentuk yang dicadangkan, ABDB boleh mengambil organisasi ketenteraan lain di seluruh dunia sebagai contoh, terutama dalam meningkatkan pengetahuan dan amalan baharu. Walaupun mungkin terdapat cabaran atau halangan dalam melaksanakan program ini, terdapat juga peluang yang lebih signifikan dengan memanfaatkan kemajuan dalam teknologi dan sains. Terdapat keyakinan bahawa dengan sumber yang betul dan sokongan yang ada, akan ada kemajuan yang ketara ke arah ABDB yang lebih sihat dan berdaya tahan.

Rujukan

- [1] Chung J, Sliter M. Relationships between military culture and mental health stigma among military personnel, veterans, and civilians. *Military Psychology* 2018;30(5):385-398.
- [2] McCarthy MS, Johnson CD, Paulson R, Karwoski B, Grier T, Canham-Chervak

- M. Psychological stress and musculoskeletal injury risk in US Army soldiers. *Journal of Strength and Conditioning Research* 2018;32(5):1315-1321.
- [3] Smith RE, Smoll FL, Cumming, SP. Effects of a mental skills training program on self-reported mental health, stress, and coping among athletes, *Journal of Applied Sport Psychology* 2019; 31(2):155–170
- [4] Adler AB, Bliese PD, McGurk D, Hoge CW, Castro CA. Soldier Comprehensive Fitness: A Cross-sectional Examination of Psychological and Physical Health and Resilience in a Sample of Soldiers. *Military Psychology* 2017;29(6): 511–524.
- [5] Bolton R, West RP, O’Neal E, Castro CA. CSF2 Sustainment Training: Results of a Randomized Controlled Trial. *Military Psychology* 2018;30(4):271-281.
- [6] Murphy KM, McGuire TG, Cawley J. The Op Recovery Program: Retrospective analysis of outcomes among enrollees in a voluntary addiction treatment program. *Journal of Substance Abuse Treatment*; 2017;74:57-63.
- [7] Marcora SM, Staiano W, Manning V. Mental fatigue impairs physical performance in humans. *Journal of Strength and Conditioning Research* 2009;23(2):246-251.
- [8] Zamorski MA, Rusu C, Garber BG. Prevalence and correlates of mental health problems in Canadian Forces personnel who deployed in support of the mission in Afghanistan: findings from postdeployment screenings, 2009-2012. *Canadian Journal of Psychiatry* 2013;58(3):138-146.
- [9] Rush J, Breslow L, Piacentini J, Pugh MJ. Evaluation of the comprehensive soldier and family fitness program: findings from the cross-sectional survey. Santa Monica, CA: RAND Corporation; 2017.
- [10] Meinhold JL, Shipherd JC, Batten SV . Army health promotion, risk reduction, suicide prevention: evaluation of the comprehensive soldier and family fitness program. *Military Medicine* 2019;184(suppl_1):386-394.
- [11] O’Neil ME, Kuczmarski TM, Brancu, M, Schult T, Fiedler ER, Kelley ML, Skopp NA. The effectiveness of resilience training for military personnel: a review and synthesis. Washington, DC: American Psychological Association; 2010.
- [12] Greenberg N, Docherty M, Gnanaprasam S, Wessely S. Managing the psychological effects of military trauma: an update. *World Psychiatry* 2015;14(2):181-187.
- [13] Zamorski MA, Rusu C, Boulos D, Garber BG. Mental health services in the Canadian Armed Forces: an overview of treatment programs and gaps in care. *Journal of Military and Veterans’ Health* 2019;27(2):12-20.
- [14] Shoemaker LK, Denneson LM, Golden RM, van den Pol RA. Feasibility of a soldier-centered assessment tool for mental resilience. *Military Medicine* 2013; 178(8):892-897.
- [15] Polusny MA, Erbes CR, Murdoch M, Ar-bisi PA, Thuras P, Rath M. Mindfulness-based resilience training for National Guard soldiers: a feasibility study. *Journal of Holistic Nursing* 2015;33(3):289-297.
- [16] Adler, A. B., Delahoy, P. J., Litz, B. T., Castro, C. A., Thomas, J. L., & Bliese, P. D. (2018). Implementing and evaluating the Army’s Comprehensive Soldier Fitness program. *American Psychologist*, 73(1), 38-50.
- [17] Dursa EK, Reinhard MJ, Barth SK, & Schneiderman AI. Prevalence of military sexual assault and reporting of sexual assault in a representative sample of military personnel. *JAMA Psychiatry* 2014;71(11):1156-1163.
- [18] Rizzo AA, Shilling R, Forbell E. Virtual reality and exposure therapy for anxiety dis-

orders: implications for military personnel. *Journal of Anxiety Disorders* 2018;55:68-78.

[19] Sayer NA, Noorbaloochi S, Frazier P, Carlson K, Gravely A, Murdoch M. Reintegration problems and treatment interests among Iraq and Afghanistan combat veterans receiving VA medical care. *Psychiatric Services* 2015;66(10):1081-1088.

[20] Jindani F, Turner N, Khalsa SB, Ritenbaugh C. Randomized trial of a yoga-based intervention for women with PTSD and chronic pain. *International Journal of Yoga Therapy* 2015;25(1):37-46.

Mengenai Pengarang

Najwa Mohd Faudzi menerima ijazah B. Sc dalam bidang Kejuruteraan Elektrik dari Hochschule Osnabrueck, Jerman pada tahun 2012 dan ijazah M. Sc dalam Kejuruteraan Elektrik dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam, Malaysia. Pada masa ini, beliau sedang melanjutkan pengajian di peringkat PhD dalam Kejuruteraan Elektrik, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang, Malaysia. Aspek penyelidikannya yang diminati termasuk sistem RFID, komunikasi medan dekat, reka bentuk antena dan teknologi gelombang mikro.

Afiliasi: Pengajian Kejuruteraan Elektrik, Kolej Kejuruteraan, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Pulau Pinang, Pulau Pinang, Malaysia

PM Ir Dr Ahmad Rashidy Razali menerima ijazah B.Eng (Kepujian) dalam bidang Kejuruteraan Elektronik dari Universiti Tenaga Nasional, Malaysia pada tahun 2002, ijazah M.Sc dalam Kejuruteraan Mudah Alih dan Komunikasi Satelit dari University of Surrey, United Kingdom pada tahun 2004. Pada tahun 2012, beliau menerima Ph.D dalam Kejuruteraan Telekomunikasi dari University of Queensland, Australia. Beliau kini merupakan Profesor Madya di Universiti Teknologi Mara, Pulau Pinang Malaysia. Beliau merupakan seorang Jurutera Profesional yang diiktiraf oleh Lembaga Jurutera Malaysia (BEM). Aspek penyelidikan yang diminati termasuk dalam antena, gelombang mikro dan sistem komunikasi.

Afiliasi: Pengajian Kejuruteraan Elektrik, Kolej Kejuruteraan, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Pulau Pinang, Pulau Pinang, Malaysia

Elemen yang paling membimbangkan di kalangan KBRL ialah aspek radiasi kerana ianya akan memberikan kesan yang berpanjangan bukan sahaja terhadap fizikal manusia, tetapi juga terhadap alam sekitar.



Rajah 3: Tier Ancaman Risiko KBRL Brunei Darussalam

4. Perbincangan

Walaupun penilaian risiko menunjukkan *Tier 2*, di mana kemungkinannya adalah tidak mungkin, itu tidak bermakna ancaman sedemikian tidak akan berlaku. Brunei Darussalam sebagai negara yang mempunyai pendekatan keselamatan yang kuat melalui kerjasama penuh kerajaan, mungkin dapat mencegah ancaman yang mungkin terjadi menggunakan cara yang sesuai.

Walaupun bagaimanapun, ancaman yang semakin meningkat dalam rantau ini boleh meningkatkan potensi atau kemungkinan untuk terjadinya ancaman di negara ini. Di atas alasan yang sama juga menyebabkan Kertas Putih Pertahanan untuk menyatakan keperluan untuk membangunkan keupayaan pasukan tentera kita, terutamanya dalam menghadapi ancaman yang kini bertambah dari ancaman yang sebelumnya. Peningkatan kes berkaitan dengan bahan kimia, biologi, radiologi, dan alat letupan reka ganti, sama ada dalam perang atau insiden industri dalam rantau Asia Selatan, sangat membimbangkan dan terdapat persepsi kukuh tentang peralihan kuasa dari Barat ke Timur yang boleh menjadikan Asia Selatan sebagai pentas pertempuran seterusnya.

Oleh itu, mengakui bahawa kewujudan ancaman KBRL dalam rantau Asia Selatan semakin meningkat dan berkembang dari masa ke semasa, penilaian risiko mungkin boleh berubah dari *Tier 2* ke *Tier 1*.

5. Kesimpulan

Walaupun tiada insiden yang signifikan berhubung dengan KBRL yang berlaku di Brunei Darussalam, ancaman tersebut tidak boleh dianggap tidak wujud kerana impak daripada ancaman tersebut adalah sangat dahsyat. Walaupun Brunei Darussalam dianggap sebagai sebuah negara yang mempunyai pendekatan yang sangat kuat dalam mempertahankan kedaulatannya daripada sebarang ancaman yang mungkin berlaku, namun, pertimbangan harus diberikan terhadap ancaman yang semakin meningkat dalam rantau ini kerana sebarang kelemahan atau jurang boleh menyebabkan risiko yang sangat besar.

6. Rujukan

- [1] National Library of Medicine, "Biological Warfare at the 1346 Siege of Caffa", September 2002, "<https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC2732530/>".
- [2] News & Terrorism, "IED Attack: Improvised Explosive Device", "https://www.dhs.gov/xlibrary/assets/prep_ied_fact_sheet.pdf".
- [3] NATO Handbook on the Medical Aspect of NBC Defensive Operations AMedP-6(B), Part III - Chemical, "Chapter 1 - Introduction", February 1996, "<https://nuke.fas.org/guide/usa/doctrine/dod/fm8-9/3ch1.htm>".
- [4] Scientific Review, "Toxic Industrial Chemicals (TICs) - Chemical Warfare Without Chemical Weapons", 2006 "<http://dergi.fabad.org.tr/pdf/volum31/issue4/220-229.pdf>".
- [5] ASEAN Climate Change and Energy Project, Brunei Darussalam, "<https://accept.aseanenergy.org/country/brunei-darussalam/>".

- [6] Offshore Energy, "Shell Spills Oil in Brunei", January 2012, "<https://www.offshore-energy.biz/shell-spills-oil-in-brunei/>".
- [7] The BT Archive, "Selangkir 2 gas leak stopped", February 2015, "<https://btarchive.org/news/national/2015/02/26/selangkir-2-gas-leak-stopped>".
- [8] Borneo Bulletin, "Kuala Belait dawn fire injures one", September 2021, "<https://borneobulletin.com.bn/kuala-belait-dawn-fire-injures-one-2/>".
- [9] Borneo Bulletin, "Two hurt from gas explosion", October 2021, "<https://borneobulletin.com.bn/two-hurt-from-gas-explosion-2/>".
- [10] ARIA, "LPG leak on a pipeline in an LPG depot", February 2015, "https://www.aria.developpement-durable.gouv.fr/accident/46283_en/?lang=en".
- [11] Malay Mail, "Two dead in ammonia leak at Petronas plant", August 2016, "<https://www.malaymail.com/news/malaysia/2016/08/16/two-dead-in-ammonia-leak-at-petronas-plant/1184521>".
- [12] The Straits Time, "7 people suffer eye irritation, difficulty in breathing after chlorine leak off Tuas", September 2016, "<https://www.straitstimes.com/singapore/environment/7-people-suffer-eye-irritation-difficulty-in-breathing-after-chlorine-leak-off>".
- [13] The Straits Time, "Hanwha Total's chemical leak effects 650 people in South Korea", May 2021, "<https://www.straitstimes.com/asia/east-asia/hanwha-totals-flammable-chemical-vapor-leak-affects-650-people-in-south-korea>".
- [14] The Star, "Two schools closed, 30 hospitalised after chemical waste illegally dumped in Pasir Gudang river (Updated)", March 2019, "<https://www.thestar.com.my/news/nation/2019/03/07/two-johor-schools-evacuated-students-hospitalised-after-chemical-spill/>".
- [15] Reuters, "Murder at the airport: the brazen attack on Kim Jong Nam", April 2019, "<https://www.thestar.com.my/news/nation/2019/03/07/two-johor-schools-evacuated-students-hospitalised-after-chemical-spill/>".
- [16] Upstream Online, "State of emergency over Thailand oil spill", February 2022, "<https://www.upstreamonline.com/safety/state-of-emergency-over-thailand-oil-spill/2-1-1164386>".
- [17] CBS News, "125 die as tear gas triggers crush at Indonesia soccer match", October 2022, "<https://www.cbsnews.com/news/indonesia-soccer-stampede-tear-gas-police-fifa-arem-a-fc-persebaya/>".
- [18] Centers for Disease Control and Prevention, "Biological Threats", 2021, "<https://www.cdc.gov/childrenindisasters/biological-threats.html#:~:text=A%20biologic%20threat%20is%20an,people%20speak%20to%20each%20other>".
- [19] Occupational Safety & Health Administration (OSHA), "Biological Agents", United States Department Of Labor, n.d, "<https://www.osha.gov/biological-agents#:~:text=Biological%20agents%20include%20bacteria%2C%20viruses,microorganisms%20and%20their%20associated%20toxins.>".
- [20] Homeland Security, "Biological Attack Fact Sheet: Human Pathogens, Biotoxins, and Agricultural Threats", The National Academies, May 2019, "<https://www.dhs.gov/publication/biological-attack-fact-sheet>".
- [21] Siaran Akhbar Kementerian Kesihatan, "Detection of the first case of COVID-19 infection in Brunei Darussalam," March 2020, "[https://www.moh.gov.bn/Shared%20Documents/2019%20ncov/press%20releases/FINAL%20Press%20Release%20\(eng\)%20-%20First%20Case%20COVID-19%20](https://www.moh.gov.bn/Shared%20Documents/2019%20ncov/press%20releases/FINAL%20Press%20Release%20(eng)%20-%20First%20Case%20COVID-19%20)".

in%20Brunei%20Darussalam%20(2).pdf".

[22] The Scoop, "Brunei Report First H1N1 Cases", June 2009, <https://www.scoop.co.nz/stories/WL0906/S00454/cable-gate-brunei-reports-first-h1n1-cases.htm>".

[23] The BT Archive, "MOH Confirms Six More Cases of Japanese Encephalitis", November 2013, "<https://btarchive.org/news/national/2013/11/03/moh-confirms-six-extra-cases-japanese-encephalitis>".

[24] CDC, "Radiologic Threat Agent", October, 2022, "https://www.cdc.gov/nceh/dls/radiologic_threat_agents.html".

[25] SHENA, Radiation Matters, "<http://www.shena.gov.bn/SitePages/FAQs.aspx#Radiation-Matters>".

[26] Daily News, "Radioactive tissue box holders yanked from Bath, Bed & Beyond shelves", January 2012, "<https://www.nydailynews.com/life-style/health/radioactive-tissue-box-holders-yanked-bed-bath-shelves-article-1.1005746>".

[27] BBC News, "Radioactive device goes missing in Malaysia", August 2018, "<https://www.bbc.com/news/world-asia-45255181>".

[28] MONGABAY, "Indonesia probes suspected nuclear waste dumping at housing estate", February 2020, "<https://news.mongabay.com/2020/02/indonesia-probes-suspected-nuclear-waste-dumping-at-housing-estate/>".

[29] The Sydney Morning Herald, "Al-Qaeda financed Bali claims Hambali report", October 2003, "<https://www.smh.com.au/national/alqaeda-financed-bali-claims-hambali-report-20031006-gdhjab.html>".

[30] United Nation, Production and Delivery, "<https://www.un.org/disarmament/conarms/production/>".

[31] Borneo Post Online, "Brunei detains

Indonesian on terror suspicions", February 2014, "brunei-detains-indonesian-on-terror-suspicions".

[32] The Daily Brunei Resources, "Brunei ISD Imposed Restriction Order on Terrorist Assistant", February 2015, "<http://bruneiresources.blogspot.com/2015/02/brunei-isd-imposed-restriction-order-on.html>".

[33] Alarabiya News, "More than 50 terror suspects arrested during Hajj", September 2016, "<https://english.alarabiya.net/News/middle-east/2016/09/18/More-than-50-terror-suspects-arrested-during-Hajj>".

[34] Xinhuanet, "4 Indonesian deported for IS terror links in Brunei", April 2017, "http://www.xinhuanet.com/english/2017-04/07/c_136191014.htm".

[35] The Scoop, "Local man detained for alleged links to ISIS", May 2018, "<https://thescoop.co/2018/05/08/local-man-detained-alleged-links-isis/>".

[36] ABC News, "Thai bomb theft sparks terror fears", March 2004, "<https://www.abc.net.au/news/2004-04-01/thai-bomb-theft-sparks-terror-fears/161944>".

[37] Vice News, "Malaysia Arrests Suspected Islamic State Militant Recruits Amid Fears of Rising Extremist Support" August 2014, "<https://www.vice.com/en/article/j54n7g/malaysia-arrests-suspected-islamic-state-militant-recruits-amid-fears-of-rising-extremist-support>".

[38] Astro Awani, "Polis marin tahan dua lelaki, rampas pelbagai barang dipercayai buat bom ikan", February 2016, "<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-marin-tahan-dua-lelaki-rampas-pelbagai-barang-dipercayai-buat-bom-ikan-95892>".

[39] Bru Direct, "Local man nabbed for bomb scare", July 2016, "<https://www.brudirect.com/news.php?id=8936>".

[40] Channel News Asia, "Probation for youth who detonated homemade bombs at East Coast Park", Jun 2022, "<https://www.channelnewsasia.com/singapore/homemade-pipe-bomb-explosives-detonate-east-coast-park-youth-polytechnic-student-2782486>".

[41] The Straits Time, "Malaysian police believe jealousy could be motive behind bomb attack that killed restaurant waiter", January 2023, "<https://www.straitstimes.com/asia/se-asia/malaysian-police-believe-bomb-explosion-that-killed-cook-caused-by-jealousy#:~:text=On%20December%2029%2C%20a%20waiter,explosion%20occurred%2C%20The%20Star%20said>".

Mengenai Pengarang

Muhammad Rawie bin Bungsu dan Mohammad Fazlee bin Umarzuki adalah Penolong Jurutera dari *Signal Work Service (SWS) Troop* dan graduan dari Politeknik Brunei, Diploma Tingkat 5 Telekomunikasi dan Kejuruteraan Sistem. Muhammad Rawie menyertai Pasukan SWS pada tahun 2021 di bawah pasukan Komunikasi Statik, yang terlibat dalam penyelenggaraan Komunikasi Radio ABDB. Mohd Fazlee menyertai Pasukan SWS pada tahun 2020 di bawah pasukan Transmisi, yang terlibat dalam penyelenggaraan Infrastruktur Gentian ABDB. Pada tahun 2022, mereka telah dipilih untuk menjadi wakil daripada *SWS Troop* untuk menyertai *Land Engineering Work Improvement Teams (LE WITs)* yang diadakan oleh Kejuruteraan Darat, Khidmat Bantuan Kombatan Angkatan Darat Diraja Brunei, yang mana mereka telah dianugerahkan *Gold Award*.

Antena Mudah Alih Frekuensi Tinggi (HF) Near Vertical Incidence Skywave (NVIS)


***Pengarang:** Muhammad Rawie bin Bungsu, and Mohd Fazlee bin Umarzuki*

Abstrak

Laporan ini adalah mengenai Antena Mudah Alih Frekuensi Tinggi (HF) Near Vertical Incidence Skywave (NVIS) yang telah pun dipilih untuk *Land Engineering Work Improvement Teams* (LE WITs), yang mana menyentuh mengenai fungsi NVIS, perbezaan diantara NVIS dengan penyebaran Skywave tradisional dan hubungannya dengan ionosfera. Laporan ini juga turut memberi cadangan mengenai masalah yang boleh diselesaikan menggunakan NVIS apabila dibandingkan dengan antena yang digunakan pada masa ini. Di samping itu, laporan ini juga menerangkan mengenai ciri-ciri NVIS dan proses keseluruhan daripada pembinaan sehingga ke uji cuba Antena Mudah Alih HF NVIS, serta cabaran-cabaran yang dihadapi.

1. Pengenalan

Near Vertical Incidence Skywave (NVIS) adalah satu mod perambatan di mana isyarat dihantar menggunakan sinaran sudut tinggi hampir menegak dan dikembalikan semula ke Bumi dari Ionosfera hampir menegak untuk menyediakan liputan tempatan atau serantau. Berbanding dengan *Skywave* tradisional yang mana mempunyai sinaran sudut rendah, NVIS mempunyai sinaran sudut tinggi (seperti ditunjukkan dalam **Rajah 1**). NVIS sering digunakan dalam persekitaran yang mencabar untuk mod penyebaran Frekuensi Tinggi (HF) tradisional, seperti kawasan pergunungan. NVIS telah digunakan oleh tentera selama beberapa dekad untuk menyediakan komunikasi jarak pendek dengan unit lain di darat. Tajuk yang dipilih untuk projek ini ialah antenna mudah alih HF NVIS.



Rajah 1: Laluan isyarat NVIS & Skywave tradisional.

2. Kenyataan masalah

Antena mudah alih HF NVIS boleh memberi sumbangan dan membantu tentera semasa semasa penggunaan radio HF. Didapati bahawa semasa penempatan tentera radio HF, mereka biasanya menggunakan antena dipol mendatar (seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 2**). Masalah pertama penggunaan antena dipol mendatar adalah ia perlu menghadap lokasi stesen lain untuk mewujudkan komunikasi. Masalah kedua adalah ia menggunakan perambatan gelombang langit tradisional, dan ini menyebabkannya cenderung kepada *skip zone*. Antena dipol mendatar juga boleh dilaraskan untuk menggunakan mod perambatan NVIS dengan menurunkan

ketinggian antena, tetapi kedudukan antena mesti menghadap stesen lain kerana ia adalah antena dua arah. Antena terpilih yang dibuat untuk projek ini ialah antena *omni-directional*, yang mana kedudukan antena tidak lagi menjadi isu kerana ia masih boleh mewujudkan komunikasi di semua arah.



Rajah 2: Antena Dipol Mendatar HF.

3. Perambatan skywave

Terdapat tiga jenis perambatan radio yang berbeza, iaitu *Line of Sight* (LoS), *Ground wave* dan *Skywave*. Jenis perambatan yang digunakan untuk antena mudah alih HF NVIS ialah perambatan *skywave*. Penyebaran *skywave* ialah perambatan gelombang radio yang dipantulkan atau dibiarkan kembali ke Bumi dari Ionosfera, yang merupakan lapisan atmosfera atas yang bercas elektrik. Oleh kerana ia tidak dihadkan oleh kelengkungan Bumi, perambatan *skywave* boleh digunakan untuk berkomunikasi di luar ufuk, pada jarak antara benua.

4. Ionosfera berkaitan dengan skywave


Seperti yang dinyatakan sebelum ini, antena NVIS ialah tempat isyarat dihantar dengan sudut sinaran hampir menegak ke Ionosfera dan dipantulkan kembali ke Bumi. Ionosfera mengandungi tiga lapisan berbeza iaitu:

- Lapisan D,
- Lapisan E, dan
- Lapisan F.

Lapisan D. Lapisan D ialah kawasan pertama dalam Ionosfera yang akan dicapai oleh skywave apabila ia meninggalkan permukaan Bumi dan bergerak ke atas. Lapisan D berada pada ketinggian kira-kira 60-90 kilometer. Ianya hanya wujud pada waktu siang dan hilang pada waktu malam. Lapisan D terutamanya bertindak sebagai penyerap isyarat HF. Semakin rendah isyarat frekuensi, semakin banyak isyarat itu dilemahkan oleh penyerapan Lapisan D. Oleh itu, semakin tinggi frekuensi isyarat, semakin sedikit isyarat itu dilemahkan. Penyerapan Lapisan D juga meningkat dengan peningkatan pengionan; Oleh itu, penyerapan biasanya paling tinggi pada tengah hari apabila sinaran suria adalah paling tinggi. Oleh kerana penyerapan Lapisan D, isyarat HF skywave yang lebih tinggi merambat lebih baik pada waktu siang, manakala isyarat frekuensi yang lebih rendah merambat lebih baik pada waktu malam disebabkan oleh kehilangan Lapisan D.

Lapisan E. Lapisan E berada di atas Lapisan D. Ia wujud pada ketinggian kira-kira 100-125 kilometer. Berbeza dengan Lapisan D, lapisan ini mempunyai keupayaan untuk membiaskan isyarat HF kembali ke arah Bumi, namun lapisan ini masih bertindak sebagai pengecil pada tahap tertentu. Berbanding dengan lapisan Ionosfera yang lain, lapisan E adalah agak nipis, biasanya kira-kira 10- 25 km. Seperti lapisan D, lapisan E lebih terion pada waktu siang, tetapi tidak seperti lapisan D, ia tidak hilang sepenuhnya pada waktu malam. Apabila frekuensi meningkat, didapati jumlah pembiasan berkurangan sehingga mencapai kekerapan ambang di mana isyarat tidak akan dibiaskan lagi dan akan melalui rantau ini dan bergerak ke lapisan seterusnya di atasnya.

Lapisan F. Lapisan F ialah lapisan Ionosfera yang paling penting untuk perambatan HF skwave. Pada waktu siang, lapisan F terbahagi kepada dua sub-lapisan iaitu F1 dan F2. Sub-lapisan pertama, F1 ditemui pada ketinggian lebih daripada 160-220 km. Sub-lapisan kedua, F2 ditemui pada ketinggian lebih daripada 250-400 km. Pada waktu malam, kedua-dua sub-lapisan ini akan bergabung kembali menjadi satu lapisan, iaitu Lapisan F. Berbanding dengan lapisan D dan E, ketinggian lapisan F berubah dengan ketara berdasarkan pelbagai faktor seperti masa hari, musim dan keadaan suria. Lapisan F1 yang lebih rendah terutamanya menyokong komunikasi jarak dekat sehingga sederhana pada waktu siang. Lapisan F2, sebaliknya, hadir lebih kurang sepanjang masa. Lapisan F2 mempunyai ketinggian tertinggi dan pengionan tertinggi bagi semua lapisan dan oleh itu, ia bertanggungjawab untuk sebahagian besar komunikasi skywave jarak jauh di HF.




Rajah 3: Lapisan Ionosfera pada waktu siang dan malam.

5. Antena mudah alih HF NVIS

Terdapat pelbagai jenis antena NVIS tetapi untuk projek ini, antena yang dipilih ialah Antena *Inverted V*, yang terdiri daripada dua dipol V songsang bersilang yang diletakkan pada sudut tepat di antara satu sama lain dan disokong di tengah oleh tiang sepanjang 15 kaki (ditunjukkan dalam **Rajah 4**). Salah satu kelebihan utama antena V *Inverted* NVIS berbanding dengan dipol mendatar standard ialah antena jenis ini mudah disediakan. Ia hanya mempunyai satu sokongan pusat dan oleh itu, boleh dibangkitkan oleh satu orang sahaja.



Rajah 4: Antena Inverted V NVIS.




Rajah 5: Rajah Goodle Earth bagi Negara Brunei Darussalam.

Walaupun antena NVIS mempunyai jarak yang lebih rendah daripada perambatan sky-wave tradisional, tetapi saiz Negara Brunei Darussalam bermakna antena NVIS adalah cukup baik untuk meliputi seluruh Negara Brunei Darussalam. Antena NVIS boleh mewujudkan komunikasi yang sah sehingga 350 km. Jarak terjauh Negara Brunei Darussalam hanya sekitar 140 km (seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 5**).

6. Ciri-ciri NVIS

Terdapat banyak ciri-ciri bagi antena NVIS, yang termasuk:

- NVIS meliputi kawasan yang biasanya berada dalam skip zone bagi perambatan sky-wave tradisional. *Skip zone* dirujuk sebagai kawasan yang terletak di luar ground wave dan sebelum skywave pertama kembali ke bumi. Skip zone adalah kawasan di mana penghantaran radio tidak boleh diterima (seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 6**).
- NVIS tidak memerlukan infrastruktur tambahan seperti pengulang atau satelit. Dua stesen yang menggunakan teknik NVIS adalah sudah mencukupi untuk mewujudkan komunikasi yang boleh dipercayai tanpa sokongan daripada mana-mana pihak ketiga.
- Antena yang dioptimumkan untuk NVIS biasanya adalah pada paras rendah. Antena NVIS yang betul boleh disediakan dengan mudah oleh pasukan kecil atau hanya satu orang sahaja dalam masa yang singkat, disamping menjadikannya bersembunyi dan sukar untuk diperhatikan.
- Kawasan rendah dan lembah tidak menjadi masalah untuk penyebaran NVIS kerana halangan adalah kurang penting kepada NVIS berbanding skywave tradisional.
- Panjang laluan keseluruhan yang lebih pendek mengurangkan pengecilan di antara pemancar dan penerima.
- NVIS juga berfungsi dengan baik pada tahap kuasa penghantaran yang agak rendah.
- Membenarkan fleksibiliti dalam persediaan antena NVIS kerana jenis antenanya ialah antena *Omni-directional*.



Rajah 6: Skip Zone.

7. Peralatan untuk pembinaan Antena

Peralatan yang diperlukan untuk membina antena ini adalah seperti yang disenaraikan dalam **Jadual 1**. Jumlah kos untuk peralatan yang diperlukan ialah BND\$161.60. Arahan untuk pembinaan antena adalah seperti yang disertakan di dalam **Lampiran 1**.

Jadual 1: Senarai peralatan dan kos.

No.	Items	Unit	Qty	Price
1	1 1/2" PVC Pipe	ft	15	\$20.00
2	1 1/2" PVC Male Connector	Each	2	\$3.00
3	1 1/2" PVC Female Connector	Each	2	\$4.00
4	1 1/2" PVC cap	Each	2	\$3.00
5	UHF Female Connector	Each	1	\$5.00
6	UHF Male Connector to RG58	Each	1	\$5.00
7	BNC male connector to RG58	Each	1	\$4.00
8	Heat Shrink	Small box	1	\$5.00
9	Electrical Wiring 1.5mm	m	40	\$12.80
10	Ceramic insulator	Each	4	\$6.00
11	Nylon rope 2mm	m	20	\$2.50
12	RG58 coax cable	m	10	\$30.00
13	Silicone	Each	1	\$6.80
14	Army green color spray	Can(s)	2	\$7.80
15	PVC Glue	Each	1	\$2.50
16	Velcro strap	roll	1	\$2.80
17	Nut & Bolt	Each	5	\$4.80
18	3/4" Tee Pipe	Each	16	\$9.60
19	3/4" PVC Pipe	ft	10	\$7.50
20	Ground stake	Each	4	\$7.90
21	Sandpaper 400	Each	1	\$0.50
22	Terminal Connector	Each	4	\$3.00
23	Black color spray	can	1	\$3.80

8. Penempatan Antena NVIS

Disebabkan oleh ciri-ciri Ionosfera dan sudut berlepas antena, julat frekuensi optimum adalah di antara 2 MHz dan 15 MHz. Pada waktu siang, frekuensi adalah di antara 4 MHz dan 15 MHz, manakala pada waktu malam ia adalah di antara 2 Mhz dan 4 Mhz. Dua antena *Inverted V* NVIS telah dibuat untuk menguji komunikasi di antara dua stesen. Arahan untuk menyediakan antena telah disertakan

di dalam **Lampiran 2**. Terdapat tiga penempatan yang telah dilakukan untuk ujicuba. Radio yang digunakan untuk penggunaan ini ialah HF Manpack, HARRIS RF5800H-MP (seperti ditunjukkan dalam **Rajah 7**).




Rajah 7: HARRIS RF5800H-MP.

Untuk penempatan pertama, kedua-dua stesen terletak di Kem Berakas. Stesen pertama berada di Skuadron Isyarat, manakala stesen kedua berada di kawasan lapang berhampiran Kelab Pelana, dengan jarak 1.9 km di antara satu sama lain (seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 8**). Untuk penempatan ini, dua uji coba komunikasi telah dijalankan. Uji coba pertama menggunakan antena *Whip* ke antena *Whip* untuk kedua-dua stesen. Uji coba ini berhasil dalam mewujudkan komunikasi. Untuk ujicuba kedua, stesen pertama menggunakan Antena *Inverted V* NVIS, manakala stesen kedua menggunakan antena *Whip*. Matlamat utama uji coba ini adalah untuk memeriksa sama ada antena *Whip* dapat menerima isyarat komunikasi dari stesen pertama. Malangnya, komunikasi tidak dapat diwujudkan, yang mana mungkin disebabkan stesen kedua tidak menggunakan antena NVIS.

Untuk penempatan kedua, lokasi adalah sama seperti penempatan pertama tetapi kali ini kedua-dua stesen menggunakan antena *Inverted V* NVIS. Namun, komunikasi masih tidak berhasil untuk wujud. Ini mungkin disebabkan oleh julat yang tidak mencukupi.

Bagi penempatan ketiga, lokasi stesen pertama adalah di Kelab Pelana Kem Berakas manakala stesen kedua di Muara, Jalan Serai Pimping di mana jaraknya 10.8 km di antara satu sama lain (seperti **Rajah 9**). Dua uji coba komunikasi telah dijalankan di penempatan



Rajah 8: Lokasi penempatan pertama dan kedua.



Rajah 9: Lokasi penempatan ketiga.

ketiga ini. Uji cuba pertama menggunakan antena *Whip* ke antena *Whip* untuk kedua-dua stesen. Uji cuba pertama mendapati bahawa tiada isyarat komunikasi telah diterima. Untuk ujian kedua, kedua-dua stesen menggunakan antena *Inverted V NVIS*. Komunikasi dapat diwujudkan dan kedua-dua stesen boleh menghantar dan menerima isyarat di antara satu sama lain tanpa masalah. Ia telah membuktikan bahawa julat adalah faktor yang menyebabkan kegagalan uji cuba komunikasi sebelumnya.

9. Cabaran

Terdapat banyak cabaran yang dihadapi semasa projek ini. Cabaran pertama ialah kekurangan pengalaman kerana ini adalah pembinaan antenna yang sulung. Oleh itu, ianya sukar dan mengambil masa yang lama untuk mencari peralatan yang diperlukan.

Terdapat peralatan yang tertinggal semasa pembinaan antenna, yang mana menyebabkan penangguhan projek itu sehingga peralatan yang diperlukan diperolehi. Ini menyebabkan proses pembinaan antenna memakan lebih banyak masa daripada yang dijangkakan.

Cabaran kedua adalah dari segi ketersediaan. Ketersediaan dan jadual bagi ahli pasukan, anggota tentera *SWS Troops*, kenderaan dan keadaan cuaca perlu dipertimbangkan semasa menetapkan jadual untuk pembinaan and uji cuba antenna, terutamanya semasa penempatan antenna NVIS untuk uji cuba komunikasi.

Cabaran ketiga ialah mencari lokasi yang bersesuaian untuk penempatan antenna NVIS. Kawasan tersebut perlu selamat dan cukup luas untuk penempatan antenna. Oleh

kerana antenna direka bentuk untuk digunakan dengan pancang tanah untuk memegang anggota dan pangkal antenna, jenis rupa bumi mesti terdiri daripada tanah.

10. Penambahbaikan di masa depan

Terdapat beberapa perkara yang perlu diperbaiki untuk Antena Mudah Alih HF NVIS. Perkara pertama yang perlu diperbaiki ialah jenis bahan bagi peralatan tiang antenna. Ianya perlu ditukar kepada sesuatu yang lebih ringan. Untuk tiang antenna, bahan boleh diganti menggunakan paip PVC putih yang lebih ringan dan bukannya paip PVC kelabu yang lebih berat. Perkara kedua adalah menggantikan kili PVC antenna itu dengan papan plastik nipis. Perkara ketiga adalah untuk mencipta beg untuk kemudahan penyimpanan dan mudah alih. Akhir sekali, perkara keempat adalah penambahbaikan tapak antenna yang digunakan pada masa yang ini yang mana terdiri penutup paip PVC yang dipasang dengan nat dan bolt dan menggantikannya dengan plat logam nipis atau papan plastik untuk menahannya dengan kukuh ke tanah, supaya lebih mudah untuk membangun antenna.

11. Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, antenna mudah alih HF NVIS yang dicipta untuk projek ini menggunakan kaedah penyebaran NVIS di mana isyarat dihantar pada sinaran sudut tinggi ke ionosfera dan dibiarkan kembali ke Bumi pada sudut hampir menegak. Ciri utama antenna NVIS ini ialah ia boleh disediakan dengan mudah oleh pasukan kecil atau satu anggota sahaja. Ini membolehkan pengurangan kakitangan dan membenarkan kakitangan lain untuk ditugaskan kepada tugas lain. Ciri utama kedua ialah ia mengurangkan kawasan *skip zone* bagi perambatan skywave tradisional. Memandangkan Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara kecil, sebahagian besar kawasan itu akan menjadi *skip zone* bagi perambatan skywave tradisional. Walaupun julat liputan adalah lebih rendah daripada perambatan skywave tra-

disional, liputan adalah lebih daripada cukup untuk meliputi dari hujung ke hujung Negara Brunei Darussalam. Akhir sekali, ianya merupakan jenis antenna *Omni-directional* dan halangan akan menjadi faktor yang kurang penting. Oleh sebab itu, antenna boleh disediakan pada sebarang orientasi yang sesuai di tapak radio tertentu tanpa mengambil kira lokasi stesen lain. Oleh itu, dipercayai bahawa antenna ini akan membantu dalam penempatan radio HF tentera. Uji cuba Antena Mudah Alih HF NVIS dalam projek ini telah menunjukkan kejayaan, di mana komunikasi berhasil dibuat daripada satu stesen ke stesen yang lain.

12. Rujukan

Electronics notes (2019). NVIS Propagation: Near Vertical Incidence Skywave» Electronics Notes. [online] Electronics-notes.com. Available at: <https://www.electronicsnotes.com/articles/antennas-propagation/ionospheric/nvis-near-vertical-incidence-skywave.php> [Accessed 22 Aug. 2022].

The Army Property Store. (n.d.). AS-2259/GR Antenna, NSN 5985-00-106-6130. [online] Available at: <https://store.armyproperty.com/products/as-2259-gr-antenna-nsn-5985-00-106-6130.html> [Accessed 22 Aug. 2022].

www.qsl.net. (n.d.). NVIS: Near Vertical Incidence Skywave. [online] Available at: <https://www.qsl.net/wb5ude/nvis/> [Accessed 22 Aug. 2022].

WØSTU, S. (2021). Near Vertical Incidence Skywave (NVIS). [online] hamradioschool. Available at: <https://www.hamradioschool.com/post/near-vertical-incidence-skywave-nvis> [Accessed 22 Aug. 2022].

www.rfwireless-world.com. (n.d.). Difference between Ionospheric layers D,E,F,F1,F2. [online] Available at: <https://www.rfwireless-world.com>

less-world.com/Terminology/Difference-between-Ionosphericlayers-D-E-F1-and-F2.html [Accessed 22 Aug. 2022].

Dxengineering.com. (2022). [online] Available at: <https://static.dxengineering.com/pdf/wp-nvisrev2.pdf> [Accessed 22 Aug. 2022].

www.electronics-notes.com. (n.d.). Ionospheric Layers: D, E, F, F1, F2, Regions» Electronics Notes. [online] Available at: <https://www.electronics-notes.com/articles/antennaspropagation/ionospheric/ionospheric-layers-regions-d-e-f1-f2.php>. [Accessed 22 Aug. 2022].

www.met.nps.edu. (n.d.). HF and Lower Frequency Radiation - The Ionosphere. [online] Available at: https://www.met.nps.edu/~ps-guest/EMEO_online/module3/module_3_2.html [Accessed 22 Aug. 2022].

www.prc68.com. (n.d.). AS-2259 Ant. [online] Available at: <https://www.prc68.com//AS2259.shtml> [Accessed 22 Aug. 2022].

Lampiran 1: Langkah-langkah bagi pembinaan Antena Mudah Alih HF NVIS

A. Penyediaan tiang

1. Haluskan paip PVC dan penyambung menggunakan kertas pasir.



2. Gam dan sambung penyambung PVC menggunakan gam PVC.




3. Sembur kesemua paip PVC dan tunggu sehingga ia kering.



4. Pasang jalur Velcro pelekat kepada setiap paip PVC di bahagian atas dan bawah paip PVC.

5. Susun dan pasang paip PVC di antara satu sama lain menggunakan jalur Velcro.



3. Sediakan wayar elektrik mengikut panjang yang disenaraikan di bawah:


- a. 25 kaki = 2 kuantiti
- b. 38 kaki = 2 kuantiti

4. Tanggalkan lengan di hujung wayar elektrik dan kelim pada lubang mata.




B. Penyediaan antenna

1. Tebuk lubang di bahagian atas penutup PVC untuk muat dalam penyambung UHF.




5. Susun wayar elektrik mengikut rajah di bawah.




2. Tebuk lubang untuk skru dan kemudian skru penyambung UHF untuk memegangnya pada penutup PVC.



6. Pateri lubang ikatan setiap satu daripada 25 kaki dan 38 kaki ke muncung penyambung coax UHF.




7. Skru keempat-empat lubang penyambung UHF dan masukkan satu lubang mata sepanjang 25 kaki dan 38 kaki ke salah satu skru dan ketatkannya dengan nat.



8. Sediakan tali nilon mengikut panjang yang disenaraikan di bawah:

- a. 7 kaki = 2 kuantiti
- b. 20 kaki = 2 kuantiti

9. Pasangkan hujung setiap wayar elektrik dan tali nilon pada empat penebat.



10. Buat gelung di hujung yang lain untuk pancang tanah.

11. Tutup bahagian atas penyambung UHF dengan silikon dan tutup dengan penutup PVC yang lain.




C. Penyediaan kili

1. Sediakan 4 keping paip PVC berukuran $\frac{1}{2}$ " sepanjang 3 sm dan haluskan dengan kertas pasir.

2. Sediakan 4 keping paip Tee PVC berukuran $\frac{3}{4}$ ".

3. Gam kedua penghujung paip PVC dan sambungkan ke paip Tee PVC.

4. Tunggu sehingga gam kering.




5. Haluskan gelondong PVC menggunakan kertas pasir dan tunggu sehingga kering.

Lampiran 2: Prosedur persediaan Antena Inverted V NVIS


1. Sediakan dan letakkan kesemua peralatan yang diperlukan.




2. Susun anggota menurut rajah di bawah.




3. Masukkan kabel *coaxial* yang dipasang dari paip PVC 1 ke paip PVC 2 & 3.



4. Sambungkan kabel *coaxial* dengan penyambung *Male* UHF kepada penyambung *Female* UHF di penutup PVC.



5. Sambungkan ketiga-tiga paip PVC 1, 2 dan 3 bersama dengan penutup PVC.



6. Naikkan tiang antena sehingga tapak me-negak ke tanah.



7. Gunakan pancang tanah untuk menahan hujung wayar anggota ke tanah.

8. Sambungkan penyambung *Male* BNC ke radio.



9. Sedia untuk digunakan untuk komunikasi HF menggunakan julat frekuensi tertentu (Siang: 4MHz – 15MHz, Malam: 2MHz - 4Mhz).

Spesifikasi Teknikal

Frequency Range	2 – 15 MHz
Application	HF Sky wave Communication
Impedance	50 Ω
Polarization	Horizontal / Vertical
Pattern	Omni - Directional
Connector	UHF Male & Female Connector BNC Male Connector
Mast Height	15 ft
Radiator (electric wire) length	38 ft x 2 25 ft x 2
Insulator Rope length	7 ft x 2 20 ft x 2
Antenna Guy Wire	45 ft x 4
Color	Army Green
Weight (Kg)	7.50

Mengenai Pengarang

Nadzirah binti Haji Ibrahim merupakan Penolong Jurutera Tingkat III di Seksyen MERG di Bengkel Bolkiah, Kejuruteraan Tanah, TDDB. Beliau telah berkhidmat selama 8 tahun sejak 8 Disember 2014. Beliau berkelulusan Diploma Kebangsaan Tertinggi (HND) dalam Sistem Komputer dan Komunikasi. Skop kerja beliau melibatkan pembaik pulihan pelbagai kelengkapan elektronik, perhubungan RACAL radio modul, *harness ancillaries*, Falcon III Intercomms RF7800I dan kelengkapan komersial. Beliau berkebolehan untuk menghasilkan kerja yang baik serta sentiasa rapi dan tepat. Beliau juga menunjukkan keterampilan yang sangat baik, mempunyai disiplin yang tinggi dan mematuhi peraturan-peraturan sewaktu dalam bertugas.

Interkom Simulator Padat Mudah Alih

Pengarang: Nadzirah Haji Ibrahim

Abstrak

Interkom Simulator Padat Mudah Alih direka untuk penyelenggaraan atau mencari kerosakan bagi Sistem Interkom Digital RF-7800I. Adalah sangat sukar untuk mengenal pasti kerosakan kerana terdapat banyak kabel kompak yang dilengkapi di dalam kenderaan tentera. Simulator ini boleh memudahkan proses kerja kerana ia adalah mudah alih dan penempatan berkesan bagi perantiinterkom dan kabel membolehkan penanggalan dan penyimpatan dalam petak masing-masing. Selain itu, simulator ini berkemampuan untuk membuat komunikasi suara melalui pengecaman pertuturan dan penghapusan hingar, perisiannya boleh dikonfigurasikan dan boleh dinaik taraf di lapangan dan menyokong sehingga empat penerima radio secara serentak dengan keupayaan penghantaran semula. Hasil daripada projek ini boleh mewujudkan impak positif dalam membantu kedua-dua pihak tentera dan awam dalam semua aspek, seperti menjalankan kursus, latihan dan misi operasi dengan lebih berkesan dan cekap. Namun begitu, projek ini boleh dipertingkatkan lagi dengan menambah bateri untuk bekalan kuasanya, serta menjadikannya lebih padat dengan menggunakan kotak lasak yang lebih kecil dan ringan.

1. Deskripsi umum

1.1. Pengenalan

Interkom simulator padat mudah alih adalah kotak yang berkualiti tinggi yang khusus direka bentuk untuk Sistem Interkom Digital RF7800I. Di dalamnya terdapat unit sistem komunikasi untuk mengesan suara dan data kenderaan. Dengan adanya suara dan maklumat tersebut membolehkan pengendali stesen kenderaan yang lain untuk melaksanakan operasi dan berkomunikasi sesama mereka sambil mengawal komunikasi antara semua kenderaan pada masa yang sama. Kotak tersebut di reka bentuk dengan teliti mengikut ukuran sistem interkom digital yang terdiri daripada Unit Pusat, komponen pengendali stesen (Unit Paparan Papan Kekunci, Unit Dail Berputar dan Unit Asas), unit pembesar suara, alat pendengaran suara dan barang pemutusan kuasa.

Simulator ini juga boleh digandingkan dengan radio Harris Falcon II dan III, alat-alat tentera, kerajaan dan komersial yang sebanding dengannya. Rangkaian radio membolehkan pengendali stesen untuk berkomunikasi dengan petugas atau kenderaan yang berada jauh dari kawasan stesen, atau dengan pusat kawalan melalui HF, VHF, UHF dan *Broadband Global Area Network* (BGAN) teknologi komunikasi satelit.

Interkom simulator padat mudah alih ini sesuai digunakan dengan sistem RF-7800I yang terdiri daripada Unit Pusat yang mana ianya berhubung kepada pelbagai komponen pengendali stesen dan juga komponen tambahan yang termasuk dalam konfigurasi kenderaan. Unit Pusat tersebut telah pun dirancang sebelum digunakan mengikut kriteria yang diberikan khusus untuk sesebuah misi melalui perisian RF-7800I *Digital Intercom System Control Center* (DCC). Unit Pusat juga boleh diprogram semula dengan menggunakan DCC seperti yang dikehendaki.

1.2. Objektif

- Mereka bentuk dan membina interkom simulator RF-7800I yang padat dan mudah alih.
- Memberikan tempat yang sesuai untuk Sistem Interkom Kenderaan RF-7800I dengan lebih teratur dan versi mudah alih menggunakan kotak yang berkualiti tinggi agar ianya mudah untuk dibawa ke tapak bagi urusan penyelenggaraan dan pembaikan pulihan pada sistem interkom yang terdapat di dalam kenderaan tentera.
- Sangat sesuai digunakan bagi membantu menjalani kursus latihan tentera.
- Penyusunan kabel yang lebih rapi dan teratur.


1.3. Ciri-ciri

Interkom simulator padat mudah alih mempunyai faktor seperti berikut:

- Sistem Interkom disesuaikan mengikut misi dan konfigurasi yang diperlukan bagi tiap-tiap kenderaan.
- Padat dan mudah dibawa dari satu tempat ke tempat yang lainnya.
- Komunikasi secara lisan melalui pengecaman pertuturan dan penghapusan bunyi bising.
- Perisian yang boleh dikonfigurasi dan dinaik taraf di lapangan.
- Mampu menampung sehingga empat radio *transceivers* pada masa yang sama dengan kemampuan penghantaran semula maklumat.
- Ukuran yang kecil dan ringan dengan kadar penggunaan kuasa yang minimum.

1.4. Konfigurasi

Sistem Interkom Kenderaan RF-7800I memberikan komunikasi dalam bentuk suara atau data. Terdapat banyak konfigurasi kenderaan di dalam interkom simulator padat mudah alih dan ianya tertakluk kepada misi yang tertentu.



Rajah 1: Gambar rajah interkom suara dan data.

- RF-7800I-CU100 Konfigurasi Unit Pusat
- RF-7800I-KD400 Konfigurasi Unit Papan Papan Kekunci dengan 1 alat pendengaran suara, 1-RS-232
- RF-7800I-RD200 Konfigurasi Unit Dail Berputar dengan 2 alat pendengaran suara
- RF-7800I-BU200 Konfigurasi Unit Asas dengan 2 alat pendengaran suara
- RF-7800I-SA100 Konfigurasi Unit Pembesar Suara

2. Kadar kuasa yang diperlukan

Keperluan kuasa adalah berbeza bergantung kepada konfigurasi yang digunakan. RF-7800I Unit Pusat memerlukan kuasa yang minimum untuk berfungsi dari sumber kuasa DC bateri/alternator kenderaan. RF-7800I beroperasi dengan menggunakan sumber kuasa DC diantara 18 hingga 32 VDC nominal. Sekiranya kenderaan tersebut mempunyai sistem kuasa 12 VDC, maka alat penukaran 12 ke 24 VDC hendaklah digunakan. Komponen yang lain seperti alat pembesar suara, unit pengendali stesen dan alat pen-

dengaran suara akan meningkatkan lagi penggunaan kuasa.

2.1. Pembumian kenderaan

Pembumian yang tidak mencukupi akan menjejaskan operasi dan prestasi sistem. Dalam penggunaan radio, voltan RF berkemungkinan terdapat di casis. Voltan tersebut boleh menyebabkan kerosakan terhadap harta benda dan akan menyebabkan kecederaan yang parah kepada pekerja kerana terjadinya kebakaran atau renjatan daripada voltan RF tersebut.

Tali tanah bagi casis kenderaan sepatutnya hendaklah berukuran pendek dan ukuran yang ideal itu ialah kurang daripada 12 inci (30 sm). Cat, gris, karat dan lain-lainnya hendaklah dikikis hingga hanya logam sahaja yang tinggal pada titik asas bagi pembumian. Rangka casis atau badan panel keluli yang dikimpal seharusnya dijadikan untuk titik asas bagi pengebumian. Diantara tempat-tempat yang tidak boleh dijadikan sebagai titik asas

bagi pengebumian. Diantara tempat-tempat yang tidak boleh dijadikan sebagai titik asas pembumian adalah seperti engsel panel (pin-tu, penutup enjin kereta dan yang lain-lain) atau permukaan yang dapat di buka daripada casis seperti papan pemuka atau kerusi kereta. Manakala bagi tali tanah hendaklah diperbuat daripada tembaga yang di lapisi dengan aloi timah dan yang berjalin dengan ukuran yang tepat. Bagi menghasilkan pembumian yang lebih baik untuk radio yang bersambung kepada RF-7800I disarankan untuk menggunakan tali tanah yang lebar dan pastikan kedudukan bagi tali tanah tersebut tidak menghalang mekanisme pelepasan kejut.

3. Sistem Interkom Kenderaan RF-7800I

Interkom simulator padat mudah alih ini sesuai digandingkan dengan Sistem Interkom Kenderaan RF-7800I yang terdiri daripada:

- RF-7800I-CU100 Konfigurasi Unit Pusat



- RF-7800I-KD400 Konfigurasi Unit Papan Papan Kekunci dengan 1 alat pendengaran suara dan 1-RS-232



- RF-7800I-RD200 Konfigurasi Unit Dail Berputar dengan 2 alat pendengaran suara



- RF-7800I-BU200 Konfigurasi Unit Asas dengan 2 alat pendengaran suara



- RF-7800I-SA100 Konfigurasi Unit Pembesar Suara



- RF-5051-PS001 Sumber Kuasa HARRIS



- Pemutusan Kuasa bagi Komunikasi HARRIS/RF



3.1. RF-7800I-CU100 Unit Pusat

Salah satu komponen utama dalam Sistem Interkom Kenderaan RF-7800I adalah Unit Pusat. Komponen tersebut bertanggungjawab dalam penukaran rangkaian suara dan mengendalikan penghalaan bagi paket data digital diantara sehingga 8 pengendali stesen dengan komponen tambahan yang lain. Yang

mana pada masa yang sama juga berkebolehan dalam mengawal sebanyak empat radio transceivers. Unit Pusat ini juga mengawasi status sistem kenderaan, stesen kawalan dan isyarat.

stesen yang lain. Manakala, 2 wayar lagi adalah untuk menghidupkan alat pendengaran suara yang mempunyai ciri khas iaitu *Active Noise Reduction (ANR)*. Walau bagaimanapun, sistem RF-7800I hanya menggunakan 2 wayar untuk berfungsi.

Sistem RF-7800I menggunakan komunikasi 2 wayar. Sambungan kabel kepada pengendali stesen terdapat 4 wayar kesemuanya. 2 wayar adalah untuk talian *Integrated Services Digital Network (ISDN)* bagi memberikan pengawalan dan kuasa kepada pengendali




3.1.2. Spesifikasi bagi RF-7800I-CU

Jadual 1 merupakan spesifikasi bagi RF-7800I-CU.

Jadual 1: Spesifikasi bagi RF-7800I-CU.

Fungsi	Spesifikasi
UMUM	
Kadar Voltan Kuasa	18-32 VDC nominal
Kecekapan Arus Kuasa Maksimum	300 Ma (+ bersambung kepada tiap-tiap unit) tidak termasuk alat pendengaran suara
ALAM SEKITAR	
Kadar Suhu Penyimpanan	-50 °C (-58 °F to + 149 °F) MIL-STD 810G
MEKANIKAL	
Dimensi	25.60 L x 15.29 W x 8.46 H cm (10.07 L x 6.01 W x 3.33 H inci)
Berat	2.18kg (4.8 lbs) Standard dan 1.73 kg (3.8 lbs) Ringan (Tanpa kabel bagi kedua-duanya)

3.1.2. Piawaian Pusat Unit RF-7800I-CU



Rajah 2: Piawaian bagi Unit Pusat F-7800I-CU.

3.2. Pengendali Stesen Interkom Kenderaan

RF-7800I Unit Pusat berhubung dengan pelbagai jenis pengendali stesen bagi memberikan komunikasi kenderaan yang tertentu keatas aplikasi yang sangat luas. Diantara tiga jenis pengendali stesen utama yang mana setiap satu mempunyai kemampuan dan fungsi yang berlainan adalah seperti berikut:

- RF-7800I Unit Paparan Papan Kekunci
- RF-7800I Unit Dail Berputar
- RF-7800I Unit Asas


Pengendali stesen membolehkan pekerja untuk memantau saluran yang dipilih, berhubung dengan pengguna interkom yang tertentu, mengawasi dan menyiarkan melalui radio *transceivers*. Semua Pengendali Stesen berkomunikasi menggunakan suara dengan menggunakan kaedah pemprosesan signal digital dan penghapusan bunyi latar belakang. Pengendali Stesen mempunyai tiga tombol untuk berinteraksi:

- Tombol merah yang di tengah mempunyai fungsi pelbagai guna.
 - o Memberitahu pengguna akan situasi kecemasan atau penyiaran.
 - o Mengubah pilihan bagi menu tetapan untuk pengendali stesen



3.2.1. RF-7800I Unit Paparan Papan Kekunci

RF-7800I Unit Paparan Papan Kekunci merupakan Pengendali Stesen yang canggih kerana ia dapat memberi arahan secara masa langsung kepada pengguna dan mengawal cara komunikasi interkom. Unit ini menggabungkan fungsi stesen suara dengan ikon papan kekunci yang mana membolehkan untuk memasukkan angka maklumat dan kod kawalan sementara memaparkan pilihan, mesej dan arahan di skrin *Organic Light-Emitting Diode (OLED)*.



Rajah 3: RF-7800I-KD Unit Paparan Papan Kekunci dari permukaan hadapan.

Sekali tekan pada papan kekunci memberikan akses untuk interkom dan saluran radio manakala bagi papan kekunci yang dapat diprogramkan membolehkan pelbagai fungsi yang bersesuaian. Port J3 memberikan pilihan sama ada digunakan untuk port bagi alat pendengaran suara yang kedua ataupun digunakan untuk port data yang bersambung kepada komputer persendirian atau kepada data yang lain.

3.2.2. RF-7800I Unit Dail Berputar

Unit Dail Berputar ini memberikan akses kepada pengguna sebanyak 16 mod yang boleh diprogramkan mengikut sesuatu operasi melalui penggunaan satu tombol.


3.2.3. RF-7800I Unit Asas

Unit Asas ini memberikan akses kepada pengguna bagi satu mod operasi yang telah di program sebelumnya dan alat ini tidak sukar untuk digunakan. Pengguna hanya akan mengendalikan unit ini melalui 3 tombol yang berada di bahagian atas unit.


4. Peralatan tambahan

RF-7800I Unit Pembesar Suara merupakan salah satu peralatan tambahan yang terdapat pada semua konfigurasi RF-7800I.

4.1. RF-7800I-SA Unit Pembesar Suara



Rajah 6: RF-7800I-SA Unit Pembesar Suara dari permukaan hadapan.



Rajah 4: RF-7800I-RD Unit Dail Berputar dari permukaan hadapan.



Rajah 5: RF-7800I-BU Unit Asas dari permukaan hadapan.

4.2. Alat Pendengaran Suara RACAL Akustik RA5000


Setiap unit Pengendali Stesen RF-7800I memerlukan alat pendengaran suara RACAL Akustik RA5000 bagi memahami maklumat dalam percakapan dengan lebih baik. Disamping itu juga, alat ini dapat memberikan perlindungan kepada anggota pendengaran dengan adanya faktor gabungan Pasif dan Aktif Pengurangan Bunyi Bising. Alat kawalan *in-line press-to-talk* (PTT) mempunyai 3-posisi suis togol. Suis *On* dan suis *Off* digunakan untuk berkomunikasi dan suis yang satu lagi untuk membuat komunikasi menggunakan mikrofon melalui alat pernafasan atau topeng gas (bagi menggantikan boom microphone).



Rajah 7: Alat pendengaran suara RACAL Akustik RA5000.

5. Operasi asas

5.1. Gabungan antara unit-unit




Rajah 8: Gabungan antara alat-alat bagi Sistem Interkom Kenderaan RF-7800I.


5.2. Gambar rajah blok

Rajah 9 menunjukkan gambar rajah blok bagi operasi Sistem Interkom Kenderaan RF-7800I.

- Penukaran bekalan Kuasa dari AC ke DC bagi RF-5051-PS001 menghasilkan pengeluaran voltan sebanyak 24V dan ianya merupakan sumber kuasa bagi alat komunikasi Pemutusan Kuasa HARRIS/RF.
- Unit Pemutusan Kuasa memberikan bekalan voltan sebanyak 18V ke 32V kepada Unit Pusat.
- Unit Pusat akan memberikan bekalan kuasa kepada seluruh Unit Pengendali Stesen dengan menggunakan "Octopus Cable" (12106-1324-A002) dan termasuk juga kepada alat pembesar suara.
- Unit Pusat dan seluruh Pengendali Stesen telah diprogram sebelumnya melalui perisian *Digital Intercom System Control Center* (DCC) mengikut konfigurasi bagi sesebuah kenderaan dan/atau mengikut keperluan misi.
- Sistem Interkom Kenderaan RF-7800I akan membuat penyiaran kepada radio jarak jauh yang berada diluar kawasan. Disamping itu, ianya juga boleh membuat penghantaran semula dengan menggunakan Unit Paparan Papan Kekunci RF-7800I-KD.



Rajah 9: Gambar rajah blok bagi Sistem Interkom Kenderaan RF-7800I.





Rajah 10: Reka bentuk.

6. Reka bentuk dan pembinaan

Sebelum berlanjutan kepada hasil akhir bagi interkom sistem padat mudah alih, terlebih dahulu lakaran bagi reka bentuk Sistem Interkom Kenderaan RF-7800I di dalam kotak yang berkualiti tinggi dibuat dengan menggunakan perisian *SketchUp*. Proses pembuatan terhadap mekanisme dan gabungan diantara komponen adalah seperti berikut.

6.1. Reka bentuk lakaran



6.2. Proses pembuatan

Tatacara pembinaan ruangan di dalam kotak hitam yang berkualiti tinggi bagi Sistem Interkom Kenderaan RF-7800I supaya ianya boleh menjadi simulator dan versi mudah alih dijelaskan melalui gambaran seperti berikut:


Langkah 1: Mencari kotak yang sesuai dengan ciri-ciri tahan lasak dan mudah untuk di bawa kemana sahaja




Langkah 2: Pembinaan platform



Langkah 5: Pemasangan pelekap



Langkah 3: Proses menggerudi



Langkah 6: Pemasangan kabel



CREW STATIONS CABLE




ETHERNET CABLE



SPEAKER CABLE

Langkah 4: Kerja mengecat



12106-1324-A002 (OCTOPUS CABLE)

Langkah 8: Pemasangan cangkuk untuk menggantung alat pendengaran telinga

After Installation




TOP VIEW



BOTTOM VIEW



Langkah 7: Pemasangan Pengendali Stesen dan Unit Pusat



7. Percubaan dan penyelesaian masalah 8. Hasil

Percubaan dan penyelesaian masalah terhadap Sistem Interkom Kenderaan RF-7800I menggunakan radio jarak jauh dilakukan setelah proses pemasangan bagi semua komponen selesai dibuat. Tujuan percubaan ini dilakukan ialah untuk memastikan bahawa interkom simulator padat mudah alih ini berjalan dengan lancar dan jayanya.



Rajah 11: Percubaan dan penyelesaian masalah.



Rajah 12: Sebelum pemasangan.



Rajah 13: Selapas pemasangan.

9. Nilai harga projek

Jadual 2 mensekaraikan pecahan kos.

Jadual 2: Pecahan kos.

NO	BARANG	HARGA
1	KOTAK HITAM PELICAN	\$529.50
2	KAYU UNTUK PLATFORM	\$50.00
3	MATA GERUDI	\$2.50
4	CAT	\$7.20
5	CANGKUK UNTUK ALAT PENDENGARAN SUARA	\$1.20
6	SKRU	\$2.00
	TOTAL	\$592.40

10. Kesimpulan

Projek ini berjaya memenuhi objektif yang telah disenaraikan di dalam artikel ini. Sistem Interkom yang padat dan mudah alih ini berhasil digabungkan dengan Sistem In-

terkom Kenderaan RF-7800I dan beroperasi sepenuhnya untuk proses penyelenggaraan dan pembaik pulihan di atas masalah yang dihadapi. Projek ini juga memberikan kesan yang positif dalam membantu anggota tentera dan kakitangan awam dalam pelbagai bidang seperti kemudahan untuk menjalankan kursus, latihan dan juga digunakan semasa menjalani misi operasi.

11. Cadangan

- Menggunakan bateri sebagai bekalan kuasa.
- Menggabungkan komponen menggunakan kaedah tanpa wayar dengan menggunakan aplikasi Bluetooth dan frekuensi.
- menggunakan kotak yang lebih kecil dan ringan.



Rajah 14: Interkom Simulator yang padat dan mudah.